

**KAJIAN ORNAMENTASI DALAM MUZIK MELAYU ASLI :
PERMAINAN VIOLIN GAYA HAMZAH DOLMAT**

NIK SHAREENA ROSNY BINTI MOHD ROSLY

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SENI PERSEMBAHAN (MUZIK)**

**PUSAT KEBUDAYAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**KAJIAN ORNAMENTASI DALAM MUZIK MELAYU ASLI :
PERMAINAN VIOLIN GAYA HAMZAH DOLMAT**

ABSTRAK

Muzik Melayu Asli merupakan sebahagian daripada seni muzik melayu yang dikategorikan sebagai muzik sosial dan popular pada sekitar tahun 1930an hingga 1940an. Secara umum, nilai estetika bagi Muzik Melayu Asli adalah terletak pada gaya penyampaiannya iaitu alunan melodi yang lembut dan syahdu, secara tidak langsung mencerminkan watak dan sifat kemelayuan yang lembut. Secara teknikal, alunan tersebut terkandung beberapa gaya asli yang disebut sebagai lenggok, gerenek, bunga dan air lagu dimana, menurut terminalogi muzik barat, ianya dikenali sebagai ornamentasi. Salah satu instrumen yang mampu menerokai gaya ornamentasi melayu asli yang menjadi fokus bagi kajian ini adalah instrumen violin. Sebagai kajian kes, Hamzah Dolmat dipilih berdasarkan kredibiliti beliau yang menampakkan dalam perkembangan Muzik Melayu Asli sehingga beliau layak digelar ‘Raja Biola’ bagi Muzik Melayu Asli oleh News Straits Times pada 11 Julai 1998. Kajian ini merupakan kajian muzikologi yang dijalankan secara penelitian kualitatif dimana ianya melibatkan manuskrip muzik, audio, bahasa serta simbol muzik barat melalui kaedah mendengar, transkripsi, temubual dan analisis bahan kajian. Lapan buah lagu melayu asli yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat dipilih sebagai bahan kajian untuk dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian ini telah mengklifikasikan gaya ornamentasi Hamzah Dolmat menerusi permainan violin beliau seiring dengan identiti yang sentiasa dijadikan sebagai bahan rujukan sehingga kini.

**KAJIAN ORNAMENTASI DALAM MUZIK MELAYU ASLI :
PERMAINAN VIOLIN GAYA HAMZAH DOLMAT**

ABSTRACT

Malay Music Asli is part of Malay music art, which is categorized as social and popular music during the 1930s to the 1940s. In general, the aesthetic value of Malay Music Asli lies in the style of its recipients, the gentle and delicate melody of the tune, indirectly reflecting the character and tenderness of softness of Malay people. Technically, the style contains several terminologies known as *lenggok*, *gerenek*, *bunga* and *air lagu*, which, in term of western music terminology, it is known as ornamentation. One of the instruments that capable to explore the style and the focus of this study is violin. As a case study, Hamzah Dolmat was chosen based on his credibility that was evident in the development of the Malay Music Asli since he is entitled as "King of Violin" by the News Straits Times on July 11, 1998. This is a musicology research that will conduct in a qualitative method, which involving music manuscripts, audio, western music symbols and languages through listening, transcription, interviewing and analysis material. Eight Malay Asli songs played by Hamzah Dolmat were selected as a study material to be analyzed and to achieve the objective of this study. The results of this study will inspire the style of Hamzah Dolmat's ornamentation through his violin playing along with the identity that has always been a reference material to date.

PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih diucapkan dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Mohd Nasir Bin Hashim atas segala tunjuk ajar, nasihat, bantuan dan dorongan bagi menyempurnakan kajian ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar serta berkat kesabaran Prof. Dr. Mohd Nasir saya tidak mungkin berjaya dalam menjayakan kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada ketiga-tiga orang panel pakar atas saranan dan bantuan bagi menjayakan kajian ini. Selain itu, ribuan terima kasih di atas kerjasama, Dato' Johari Salleh, En. Sulfian, En Razali Ayob dan En Khairil Anuar yang membantu saya dalam proses mencari bahan-bahan serta proses analisis kajian ini.

Pada kesempatan ini, berkat kesabaran, pengorbanan dan sokongan suami tercinta, Shahrudin bin Mohd, anak saya, Shafie Ikhlas, ibu saya, Sharifah Sheikah dan keluarga serta rakan-rakan saya membantu saya mengharungi segala susah senang sepanjang tempoh pengajian ini.

JADUAL KANDUNGAN

Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Penghargaan	v
Jadual Kandungan	vi
Senarai Rajah	ix
Senarai Jadual	xii
Senarai Gambar Rajah	xiii
Senarai Lampiran	xiv
Glosari	xv

BAB 1 : PENGENALAN

1.1. Latar Belakang	1
1.1.1. Muzik Melayu Asli	1
1.1.2. Ornamentasi	5
1.1.3. Hamzah Dolmat	7
1.2. Permasalahan Kajian	11
1.3. Objektif Kajian	12
1.4. Persoalan Kajian	13
1.5. Kepentingan Kajian	14
1.6. Limitasi Kajian	14
1.7. Pelan Kajian	15
1.8. Metodologi Kajian	16
1.9. Organisasi Penyelidikan	18

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1. Pengenalan	19
2.2. Elemen-Elemen Muzik Melayu Asli	19
2.2.1. Melodi	21
2.2.2. Ritma	24
2.2.3. Harmoni	26
2.2.4. Warna Nada (<i>Tone Color</i>)	27

2.2.5.	Tekstur	27
2.2.6.	Struktur Muzik	28
2.2.7.	Kesimpulan	29
2.3.	Ornamentasi	29
2.3.1.	Ornamentasi Muzik Melayu Asli	29
2.3.2.	Ornamentasi Muzik Barat	36
2.3.3.	Ornamentasi India	39
2.4.	Hamzah Dolmat dalam Konteks Budaya Melayu	40
2.5.	Artikulasi Bagi Instrumen Violin	43
2.6.	Rumusan	47

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1.	Pengenalan	49
3.2.	Rekabentuk Kajian	49
3.2.1.	Kaedah Pemerhatian Berserta	50
3.2.2.	Kaedah Temubual	51
3.2.3.	Kaedah Analisis	51
3.3.	Prosedur Pengajian	52
3.4.	Pra-Kerja Penyelidikan	52
3.5.	Kerja Penyelidikan	57
3.6.	Pasca-Kerja Penyelidikan	69
3.7.	Rumusan	70

BAB 4 : ANALISIS KAJIAN DAN HASIL DAPATAN

4.1.	Pengenalan	71
4.2.	Trill Berirama	71
4.2.1.	Trill Berirama Gaya 1	72
4.2.1.1.	Trill Berirama Gaya 1 Berganda	75
4.2.2.	Trill Berirama Gaya 2	77
4.2.2.1.	Trill Berirama Gaya 2 Berganda	79

4.2.3.	Trill Berirama Gaya 3	81
4.2.1.1.	Trill Berirama Gaya 1 Berganda	83
4.2.4.	Trill Berirama Gaya 4	84
4.2.5.	Trill Berirama Gaya 5	87
4.2.6.	Trill Berirama Gaya 6	88
4.2.7.	Trill Berirama Gaya 7 / Trill	92
 4.3.	Cengkok	 97
4.3.1.	Cengkok Gaya 1	97
4.3.1.1.	Kesimpulan Cengkok Gaya 1	103
4.3.1.2.	Perbezaan antara Cengkok Gaya 1 (empat not) dengan Trill Berirama Gaya 2	104
4.3.2.	Cengkok Gaya 2	105
4.3.3.	Cengkok Gaya 3	107
4.3.4.	Cengkok Gaya 4	109
 4.4.	Bunga	 111
4.4.1.	Bunga : <i>Appoggiatura</i>	111
4.4.2.	Bunga : <i>Glissando</i>	112
4.4.3.	Bunga : <i>Double Stop</i>	113
4.4.4.	Bunga : <i>Modern Ke Atas</i>	114
4.4.5.	Bunga : <i>Acciaccatura</i>	114
 4.5.	Rumusan	 115
 BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1.	Kesimpulan	116
5.2.	Cadangan	118
 Rujukan	 119	
Lampiran	122	

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 : Antara Skala Yang Digunakan Di Dalam Muzik Melayu Asli	23
Rajah 2.2 : Rentak asas bagi Muzik Melayu Asli pada alat muzik Rebana	27
Rajah 2.3 : Skala dan Kord C Major	27
Rajah 2.4 : Contoh Gerenek Pada Lagu Serampang Duabelas	32
Rajah 2.5 : Gaya Patah Lagu pada lagu serampang Duabelas	33
Rajah 2.6 : Gaya Patah Lagu pada lagu Kuala Deli	33
Rajah 2.7 : Bentuk Improvisasi Patah Lagu pada Lagu Mak Inang Pulau Kampai	34
Rajah 2.8 : Contoh patah lagu oleh Matsusky & Tan (2010)	34
Rajah 2.9 : Contoh Cengkok pada Lagu Serampang Duabelas	36
Rajah 2.10 : Contoh Cengkok bagi Kuintol	36
Rajah 3.1 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi Lagu Laksamana Mati Dibunuh	59
Rajah 3.2 : Jarak Wilayah Nada Lagu Laksamana Mati Dibunuh	60
Rajah 3.3 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi Lagu Tudung Periuk	60
Rajah 3.4 : Jarak Wilayah Nada Lagu Tudung Periuk	60
Rajah 3.5 : Skala D Mod Hicaz	61
Rajah 3.6 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat pada Lagu Seri Mersing	61
Rajah 3.7 : Jarak Wilayah Nada Lagu Seri Mersing	61
Rajah 3.8 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat pada Lagu Bentan Telani	62
Rajah 3.9 : Jarak Wilayah Nada Lagu Bentan Telani	62
Rajah 3.10 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi Lagu Seri Kedah ...	63
Rajah 3.11 : Jarak Wilayah Nada Lagu Seri Mersing	63
Rajah 3.12 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi Lagu Ladun	63

Rajah 3.13 : Jarak Wilayah Nada Lagu Ladun	64
Rajah 3.14 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi Lagu Siti Payung	64
Rajah 3.15 : Jarak Wilayah Nada Lagu Siti Payung	65
Rajah 3.16 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi lagu Burung Putih	65
Rajah 3.17 : Jarak Wilayah Nada Lagu Burung Putih	65
Rajah 4.1 : Contoh Trill Berirama Gaya 1 Pada Lagu Tudung Periuk, Bar 5	72
Rajah 4.2 : Contoh Not Asas Pada Dua Bit Pertama Bagi Lagu Tudung Periuk, Bar 5	73
Rajah 4.3 : Contoh Perbezaan Ritma Trill Berirama Gaya 1	73
Rajah 4.4 : Contoh Trill Berirama Gaya 1 Berganda pada lagu Tudung Periuk, Bar 2	75
Rajah 4.5 : Contoh Trill Berirama Gaya 1 berganda bagi dua dan empat bit pertama	76
Rajah 4.6 : Contoh Trill Berirama Gaya 2 pada Lagu Seri Kedah, Bar 3	77
Rajah 4.7 : Skala Bagi Lagu Seri Kedah Yang Dimainkan Oleh Hamzah Dolmat	78
Rajah 4.8 : Contoh Trill Berirama Gaya 2 pada Lagu Seri Kedah, Bar 2	80
Rajah 4.9 : Contoh Trill Berirama Gaya 3 pada lagu Tudung Periuk, Bar 17-18	81
Rajah 4.10 : Cara memainkan Trill Berirama Gaya 3 : Turn pada lagu Tudung Periuk, Bar 18	82
Rajah 4.11 : Contoh Cengkok Gaya 1 pada Lagu Laksaman Mati Dibunuh, Bar 3	98
Rajah 4.12 : Skala G Mixolydian	99
Rajah 4.13 : Contoh Cenkok Gaya 1 bagi Lagu Laksaman Mati Dibunuh, Bar 7	99
Rajah 4.14 : Contoh Cengkok bagi Lagu Seri Mersing, Bar 13	100
Rajah 4.15 : Skala G Minor Harmonik (Relatif Minor kepada Bb Major)	101
Rajah 4.16 : Contoh Cengkok Gaya 1 (kedua) pada lagu Seri Kedah, Bar ke-2 ...	102

Rajah 4.17 : Perbezaan ritma Trill Berirama Gaya 1 dengan Cengkok Gaya 1 ...	104
Rajah 4.18 : Contoh Cengkok Gaya 2	105
Rajah 4.19 : Contoh Cengkok Gaya 3	108
Rajah 4.20 : Contoh Cengkok Gaya 4	110
Rajah 4.21 : Contoh Bunga bagi lagu Laksamana Mati Dibunuh, Bar 1	111
Rajah 4.22 : Contoh Bunga bagi lagu Laksamana Mati Dibunuh, Bar 10	112
Rajah 4.23 : Contoh Bunga bagi lagu Laksamana Mati Dibunuh, Bar 11	113
Rajah 4.24 : Contoh gaya Bunga : Double Stop	113
Rajah 4.25 : Contoh Mordent ke atas pada lagu Siti Payung, Bar ke-17	114
Rajah 4.26 : Contoh Bunga : Acciaccatura pada lagu Seri Kedah, Bar ke-3	114

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1 : Artikulasi, Penerangan Dan Simbol Pada Not	46
Jadual 3.1 : Senarai Lagu Melayu Asli yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat ...	54
Jadual 4.1 : Contoh not dan jarak jeda bagi lagu Tudung Periuk, Bar 5	72
Jadual 4.2 : Senarai Contoh Trill Berirama Gaya 1	73
Jadual 4.3 : Senarai Contoh Trill Berirama Gaya 1 Berganda	77
Jadual 4.4 : Perbezaan Antara Trill Berirama Gaya 1 Dan Gaya 2	78
Jadual 4.5 : Senarai Contoh Trill Berirama Gaya 2	79
Jadual 4.6 : Senarai Contoh Trill Berirama Gaya 2 Berganda	80
Jadual 4.7 : Senarai Contoh Trill Berirama Gaya 3	82
Jadual 4.8 : Contoh Trill Berirama Gaya 3 Berganda	83
Jadual 4.9 : Contoh-contoh Trill Berirama Gaya 4 pada Lagu Seri Mersing, Bar 5 & Bar 16/19	85
Jadual 4.10 : Contoh Trill Berirama Gaya 5 pada Lagu Tudung Periuk	87
Jadual 4.11 : Contoh-Contoh Trill Berirama Gaya 6	89
Jadual 4.12 : Contoh Trill Berirama Gaya 7 @ Trill	92
Jadual 4.13 : Jarak Jeda Cengkok Gaya 1 pada Lagu Laksaman Mati Dibunuh, Bar 3	98
Jadual 4.14 : Jarak Jeda Cengkok Gaya 1 pada Lagu Laksaman Mati Dibunuh, Bar 7	100
Jadual 4.15 : Jarak Jeda bagi lagu Seri Mersing, Bar 13	101
Jadual 4.16 : Senarai Contoh Cengkok Gaya 1	101
Jadual 4.17 : Senarai Contoh Cengkok Gaya 1 (Kedua)	103
Jadual 4.18 : Senarai Contoh Cengkok Gaya 2	107

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar Rajah 1.1 : Surat Khabar New Straits Times, 11 July 1998 yang mengelar Hamzah Dolmat sebagai ‘Raja Biola’	8
Gambar Rajah 2.1 : Rebana	25
Gambar Rajah 2.2 : Surat Khabar New Straits Times, 11 July 1998 - Hamzah Dolmat selaku Raja Biola	41
Gambar Rajah 3.1 : Poster Persembahan Selasihku Sayang yang Dipimpin Oleh Dato’ Johari Salleh	67

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Lagu Laksamana Mati Dibunuh	122
Lampiran 2 : Lagu Tudung Periuk	126
Lampiran 3 : Lagu Seri Mersing	131
Lampiran 4 : Lagu Bentan Telani	135
Lampiran 5 : Lagu Seri Kedah	138
Lampiran 6 : Lagu Ladun	144
Lampiran 7 : Lagu Siti Payung	147
Lampiran 8 : Lagu Burung Putih	150

GLOSARI

Menurut Dewan Bahasa dan Pusaka (2014) istilah ialah rangkai kata yg menyatakan sesuatu dgn betul, tepat dan sesuai dlm sesuatu bidang ilmu pengetahuan. Bagi memudahkan penyampaian, beberapa istilah dan definisi diguna pakai bagi penyelidikan ini.

1. Stail/Gaya Melayu Asli

Stail atau gaya merupakan satu ciri struktur yang dihasilkan oleh manusia yang terdapat dalam sesuatu budaya. Maksud gaya dalam aspek muzik adalah terdapat ciri-ciri khas yang menentukan identiti sesuatu aspek seperti melodi, harmoni, ritma, skale, imporivisasi dan lain-lain. Oleh itu, pada sudut muzikologi, gaya atau stail asli digunakan dalam penyelidikan ini membawa maksud ciri-ciri cara penyampaian yang membawa kepada identiti muzik asli itu sendiri.

2. Perkatan Violin Digantikan Daripada Biola

Perkataan biola digantikan kepada violin bagi mengelakkan salah faham antara instrumen ‘viola’ dengan perkataan ‘biola’ kerana instrumen tersebut tidak mempunyai sebarang kaitan.

BAB 1 : PENGENALAN

1.1. LATAR BELAKANG

Ornamentasi merupakan sebahagian kecil dalam muzik di mana kebiasaanya ianya tidak didokumentasikan serta ianya berbeza mengikut genre muzik, era dan budaya (Pratyush, 2010). Ianya juga boleh membezakan antara sesuatu budaya seperti Irish, Scottish & Cape Bretton muzik atau gaya ornamentasi muzik barat atau muzik Hindustan dsb. Muzik Melayu Asli merupakan muzik yang kaya dengan ornamentasi yang dipanggil sebagai lenggok, gerenek, cengkok, bunga atau air lagu dan salah satu instrumen yang berada di dalam ensemble Muzik Melayu Asli dan mampu menerokai gaya ornamentasi tersebut adalah instrumen Violin. Di Malaysia, tiada spesifikasi atau garis panduan terhadap penyampaian bagi setiap panggilan ornamentasi tersebut, sebaliknya ianya lebih kepada bermain mengikut hati (*by heart*) dan mengimprovisasi dengan cara pembelajaran dari guru ke murid atau melalui pendengaran sahaja. Demikian, penyelidikan ini adalah untuk mengkaji gaya ornamentasi yang terdapat di dalam Muzik Melayu Asli bagi instrumen violin dan ikon yang digelar sebagai Raja Biola bagi Muzik Melayu Asli oleh surat khabar News Straits Times (1998) layak dijadikan sebagai rujukan sehingga kini iaitu Hamzah Dolmat. Sebagai pengenalan bagi kajian ini, terdapat tiga perkara utama yang perlu dihuraikan mengenai latar belakang yang berhubung kait dengan tajuk kajian ini iaitu latar belakang Muzik Melayu Asli, Ornamentasi dan Hamzah Dolmat.

1.1.1. Latar Belakang Muzik Melayu Asli

Terdapat banyak gelaran bagi Muzik Melayu Asli sebagai contoh yang terdapat pada kamus seni muzik (2009) menjelaskan ‘Asli’ atau ‘Muzik Asli’ atau ‘Melayu Asli’ adalah sinonim dengan lagu dan rentak asli iaitu bertempo lambat, bermeter kuardrupel dan berentak lapan bit. Manakala gelaran Muzik Melayu Asli di Sumatera, Indonesia dikenali

sebagai ‘*Sinandung*’. Selain itu, Matusky dan Beng (2012) pula mengelarkan Muzik Melayu Asli sebagai ‘lagu melayu asli’ yang dipersembahkan oleh sekumpulan pemuzik yang dipanggil ‘*Ensemble* Melayu Asli’ bagi mengiring tarian sosial. Bagi memudahkan penyampaian untuk penyelidikan ini, pengkaji mentakrifkan terminologi ‘Muzik Asli’ / ‘Melayu Asli’ / ‘lagu Melayu Asli’ atau ‘*Sinandung*’ sebagai Muzik Melayu Asli yang membawa gaya asli.

Menurut Matusky dan Beng (2012), Muzik Melayu Asli dikategorikan sebagai muzik rakyat iaitu muzik *ensemble* sosial dan popular ketika zaman kebangkitannya dan jika dilihat dari sudut muzikaliti, Muzik Melayu Asli merupakan muzik sinkretik kerana hasil gabungan dari kepelbagaian pengaruh luar seperti muzik Barat, Arab, Cina dan Parsi. Pendapat ini disokong oleh Nurmaisara Za’Ba, Nursuriati Jamil, Salwa Salleh, Hamimi Rahman (2011) dengan tajuk kajiannya ‘*Investigating ornamentation in Malay traditional, Asli Music*’ menjelaskan bahawa Muzik Melayu Asli ialah muzik sinkretik tradisional Melayu di Malaysia yang berkembang pada zaman post-Portugis pada abad ke-16. Melalui perspektif muzik pula, perkataan ‘Asli’ dikategorikan sebagai sejenis muzik tradisional di Malaysia kerana gaya nyanyian dan struktur corak irama rebana yang tersendiri (Nasuruddin, 2003). Erti kata lain, Muzik Melayu Asli merupakan muzik rakyat yang sinkretik dan ianya popular ketika zaman kebangkitannya, namun kini ianya dianggap sebagai muzik tradisi Melayu.

Muzik Melayu dipercayai wujud lebih kurang 2000 tahun lalu (Ahmad, 2001, ms.10) dan Muzik Melayu Asli yang wujud di Malaysia adalah muzik sinkretik hasil gabungan dari muzik tempatan (melayu) dengan kepelbagai seni budaya luar seperti India, Timur Tengah, Arab dan Barat mengikut permintaan semasa (Matusky & Beng, 2012, ms.361).

Walaupun pengaruh-pengaruh luar ini dikatakan mempengaruhi Muzik Melayu Asli di negara kita, namun, tiada bukti dokumentasi yang sahih akan kewujudan Muzik Melayu Asli, yang ada hanya teks melayu lama pada abad ke-17 atau ke-18 ‘Hikayat hang Tuah’ dan Tuhfat Al-Nafis’ mengenai nyanyian pantun diiringi rebana, gong dan kecapi (Matusky dan Beng, 1997, ms.359). Bagaimanapun, kenyataan ini tidak dapat membuktikan bahawa muzik tersebut adalah Muzik Melayu Asli, kerana persamaannya hanya dari segi nyanyian pantun serta instrumen rebana dan gong. Menurut Nasuruddin (2003), mengetahui sejarah amat penting bagi memperjelaskan sifat interaksi social-budaya yang membawa kepada kepelbagaian sesuatu genra muzik sebagai satu dasar. Erti kata lain, pentingnya mengetahui serba sedikit mengenai sejarah dan perkembangannya yang membawa pengaruh kepada Muzik Melayu Asli.

Malaysia mempunyai kedudukan laut yang strategik untuk para pedagang dan penajah. Oleh itu, Tanah Melayu telah dijajah samada dari segi fizikal (pemerintahan) ataupun mental (seperti pemikiran/budaya/seni). Buktinya terdapat pada pengaruh agama seperti dari abad ke-7 hingga ke abad ke-14, agama Hindu¹ dan Buddha memasuki Tanah Melayu, kemudian abad ke-15, kedatangan pedagang dari Timur Tengah dan India yang membawa Islam² ke Melaka (Ahmad, 2001, ms.13). Pedagang dan penajahan ini bukan sahaja mempengaruhi sosiobudaya masyarakat tempatan, malah seni juga turut diikuti. Pada abad ke-15 pedagang dari Timur Tengah telah datang ke Melaka memperkenalkan muzik mereka seperti persembahan ‘Kumpulan Nasyid’, rentak muzik iaitu masri, instrumen muzik iaitu rebana dan gambus (*ud*) (Ahmad, 2001, ms.13) dan gaya nyanyian vokal yang melankolik³ yang mepengaruhi Muzik Melayu Asli seperti

¹ Pengaruh Hindu paling awal berada di Malaysia berbanding dengan agama Islam. Pengaruh Hindu/bahasa Sanskrit dapat dikesan dalam bahasa Melayu, kesusastraan dan kesenian. Bukti yang menyatakan orang Melayu Candi Lembah Bujang di Kedah, Kuala Kedah pernah menganut agama Hindu-Buddha. (https://ms.wikipedia.org/wiki/Hinduisme_di_Malaysia)

² Islam yang pertama datang ke Terengganu. Buktinya batu bersurat bertarikh 1303 Masihi dengan anggaran bahawa Sultan Muzaffar Shah I (dari Kedah) raja melayu yang pertama memeluk Islam.

³ Nyanyian seperti keadaan sedih

cara pembacaan Al-Quran dan Azan (Nurmaisara Za’Ba et al., 2011, ms.46 & Matusky dan Beng, 2012).

Tahun 1511 sehingga 1641 merupakan jajahan Portugis di Melaka yang memberi kesan besar pada seni budaya melayu dengan memperkenalkan instrumen iaitu ‘violin’ dan ‘rebana’, tarian, muzik dan lagu seperti tarian *Branyo*⁴ kepada orang-orang Melayu (Ahmad, 2001, ms.14-15). Kemudian Belanda dan British mempengaruhi sistem pembelajaran seni muzik barat dalam pembelajaran Muzik di Malaysia kini.

Kesan daripada jajahan di Kepulauan Melayu telah membahagikan rantau Melayu kepada 6 negara iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, dan Republik Demokratik Timur-Leste, oleh itu, secara ethnografik terdapat banyak persamaan dari segi budaya, bahasa, dan kesenian. Salah satu bentuk ekspresi kebudayaan dan kesenian warisan dari Kepulauan Melayu yang mempunyai kesamaan adalah Muzik Melayu Asli di Malaysia dan Singapura, atau dikenali irama Senandung/Melayu Deli di Indonesia dan ‘musik gamat’ bagi melayu Minangkabau (dirujuk dari artikel pada laman web oleh Rizaldi, 2010). Selain itu, struktur corak irama, alat muzik, himpunan, lirik dan Bahasa juga hampir sama, contohnya ialah lagu Sri Mersing atau ensemble Melayu Asli di Malaysia yang menggunakan instrumen violin, akordian, rebana dan gong, manakala melayu minangkabau menggunakan instrumen violin, akordian, gitar dan gendang panjang (dua muka) (Rizaldi, 2010). Demikian pada akhir abad ke-19 dan awal 20-an merupakan pengaruh seni muzik dari negara-negara jiran (Asia) ke Malaysia. Kebanyakkan lagu-lagu melayu asli berasal dari Sumatera seperti ‘*Damak*’, ‘*Kuala Deli*’, ‘*Serampang Laut*’ dan lain-lain yang dibawa oleh kumpulan bangsawan pada abad ke-20, awal 30-an (Ariff Ahmad, 2001, ms.14). Selain itu, China juga

⁴ Branyo ialah sejenis seni persembahan gabungan muzik dan tarian yang telah memberi pengaruh pada tarian ‘Ronggeng’ iaitu rentak ‘joget’. Muzik ini menggunakan instrumen violin dan Rebana dan rentaknya adalah sama seperti Joget. Lagu yang terkenal sehingga kini ialah Jingkli Nona.

memperkenalkan muzik mereka ke Semenanjung dari segi bentuk melodi dan peralatan muzik cina iaitu skala pentatonic Slendro dan alat muzik ‘gong’.

Hasil adaptasi daripada unsur luar ini berjaya menaikkan Muzik Melayu Asli pada tahun 1930an dan 40an di Tanah Melayu dan Singapura sebagai muzik untuk hiburan. Manakala pada tahun 1950-an hingga 60-an beberapa agensi kerajaan telah menaikan seni muzik tradisional melayu melalui rancangan dan persesembahan muzik tersebut. (iBit ms.16).

1.1.2. Ornamentasi

Ornamentasi di dalam muzik merupakan perhiasan pada melodi yang biasanya tidak didokumentasikan dan ianya lebih kepada memberi sentuhan ekspresi pada perjalanan melodi muzik (Pratysuh, 2010).

“According to Elliot, the relationship of text and music, pitch, instruments and ornamentation in the seventeenth century were practiced differently in different geographical areas.”

Elliot, M. (2006)

Menurut Elliot (2006) menjelaskan bahawa pada abad ke-17, hubungan antara teks, muzik, nada, instrumen dan ornamentasi yang diamalkan adalah berbeza berdasarkan bentuk geografi. Sebagai contoh, menurut terminalogi muzik barat daripada kamus oxford ‘*concise dictionary of music*’ (2007), ornamentasi merupakan perhiasan pada

melodi melalui penambahan nota kecil atau simbol khas seperti *Acciaccatura*, *Appoggiatura*, *Mordent*, *Trill*, *Turn*, dan *Glissando*. Berbeza pula dengan muzik Hindustani, ornamentasi memainkan peranan penting dalam membezakan perjalanan mod melodi pada struktur melodi yang hampir sama (Pratsduh, 2010, ms.1). Perbezaan antara budaya sosiologi juga terkesan hasil permainan gaya ornamentasi para pemuzik yang sama seperti muzik Ireland, Scotland & Cape Breton. Demikian, istilah dan penggunaan ornamentasi dalam muzik berbeza bergantung kepada genre muzik, budaya dan zaman (Pratysuh, 2010, ms.1).

Di Malaysia pula, Muzik Melayu Asli merupakan sebahagian daripada seni muzik melayu yang kaya dengan ornamentasi (Matusky & Beng, 2012, ms.359). Tanpa ornamentasi, melodi bagi lagu-lagu asli boleh dikatakan kaku atau kosong (Suflan, 2015 dan Nurmaisara Za'Ba et al., 2011). Terdapat pelbagai jenis atau gelaran bagi ornamentasi dalam Muzik Melayu Asli di Malaysia seperti '*lenggok*', '*gerenek*', '*bunga lagu*', '*air lagu*', '*patah lagu*' dan '*cengkok*'. Ada juga yang berpendapat '*patah lagu*' adalah ornamentasi dalam Muzik Melayu Asli, namun pendapat ini terdapat banyak percanggahan yang akan dibincangkan pada literatur, bab 2. Hasil temubual secara spara formal dengan Razli Ayub (2015) dari Istana Budaya menyatakan bahawa di Malaysia, ramai penyanyi atau pemuzik tidak dapat meletakkan maksud sebenar pada istilah ornamentasi Muzik Melayu Asli dengan jelas dan kenyataan ini juga disokong oleh Sulfan (2015, ms.29) kerana sistem pembelajaran Muzik Melayu Asli berlaku secara lisan iaitu dari guru ke murid. Oleh itu, setiap penyanyi atau pemuzik mempunyai gaya penyampaian yang berbeza tetapi corak penyampaian gaya asli itu mencapai satu rasa yang ketara melambangkan sifat kemelayuan.

Dalam ‘Ensemble Ronggeng Asli’, violin merupakan instrumen yang memainkan peranan penting samada sebagai pembawa melodi, pembuka atau penutupan lagu dan ianya kaya dengan ornamentasi terutamanya dalam Muzik Melayu Asli. Terdapat beberapa tokoh pemain violin muzik asli yang terkenal seperti Hamzah Dolmat, Idris Sardi, Razli Ayob dsb. Sehingga kini, pemainan violin sering diberi perhatian dan diperdebatkan terutamanya dari segi alunan melodi iaitu ornamentasi, namun perbincangan ini akan terhenti apabila pemainan violin oleh Hamzah Dolmat dijadikan contoh.

1.1.3. Hamzah Dolmat

Di kalangan pengemar, pemuzik dan peminat Muzik Melayu Asli, Hamzah Dolmat (1923 - 12 Julai 1987), anak kelahiran Kalang Batin, Singapura merupakan satu nama yang besar dan cukup terkenal. Apabila nama Hamzah Dolmat sebutkan, tentu ianya dikaitkan dengan pemainan violin beliau yang merupakan pemuzik tersohor dan disegani dalam dunia muzik melayu asli. Tumpuan pada pemainan violin beliau yang unik dalam muzik melayu asli telah menaikkan taraf beliau kepada peringkat yang tinggi bagi genre tersebut sehingga digelar sebagai Raja Biola (New Straits Times, Julai 11, 1998). Berikut adalah kenyataan dan petikan oleh tokoh-tokoh dan majalah yang menyokong kenyataan kekuatan Hamzah Dolmat dalam Muzik Melayu Asli :

Raja Biola kita, truly a king at the violin, Hamzah Dolmat was one of modern Malaysian music history's most celebrated musicians.... His versatility in traditional based music (he could play kercong, asli, inang masri, zapin, joget, ghazal, dondang saying) is undisputed.

Artikal yang diambil dari surat khabar New Straits Times (Julai 11, 1998)

Petikan ini menyatakan bahawa Hamzah Dolmat merupakan pemuzik yang berkebolehan dengan asas muzik tradisi sebagai sokongan dan beliau layak digelar sebagai ‘Raja Biola’ seperti yang ditunjukan pada Gambar Rajah 1.1.

Our own Raja Biola

ALMOST everyone knows the late Hamzah Dolmat. The violinist, our very own *Raja Biola*, has quite a reputation even after his death more than a decade ago.

In his heyday, he collaborated and recorded with many other talents. He has remained one of modern Malaysian music history's most prominent figures.

Hamzah was born in 1923 in Kalang Batin, Singapore. His entire family was extremely musical. His father, Dolmat Haji Abdul Fatah was not just a violinist, but also a very good composer of *joget* songs.

His mother Fatimah Ali was once a *makyong* actress in a troupe from Riau, Indonesia.

Hamzah began playing the violin at 12. He was never formally trained but he had a spark that set him apart from the other musicians of his time.

Truly a king at the violin, Hamzah Dolmat was one of modern Malaysian music history's most celebrated musicians.

During World War Two, Hamzah toured with *bangsawan* and *keroncong* troupes. The years he spent in the business made him one of the few musicians who were technically competent, with the ability to interpret and carry the songs to a greater level.

His versatility in traditional-based music (he could play *keroncong*, *asli*, *tinang*, *masri*, *zapin*, *joget*, *ghazal*, *dondang sayang*) is undisputed.

Those who saw Hamzah's performances described them as mesmerising.

In the Seventies, Hamzah was always paired with his late sister, singer Kamariah Noor for that

“maximum traditional effect”. His talent also took him to places like Thailand, Germany, England, the Philippines, Indonesia, Egypt and Kuwait.

For his contribution to the arts, particularly Malay traditional music, Hamzah was conferred an honorary degree by Universiti Malaya in 1978.

Apart from the violin, Hamzah played other string instruments like the mandolin, lute and guitar. He also played the piano, accordion and drums.

□ Traditional goes commercial — Page Four

Gambar Rajah 1.1 : Surat Khabar New Straits Times, Julai 11, 1998 yang mengelar Hamzah Dolmat sebagai ‘Raja Biola’.

Selain itu, sebuah artikel yang diambil daripada utusan online menyatakan bahawa Allahyarham Idris Sardi (7 Jun 1983 - 28 April 2014) yang merupakan pemain violin yang dikenali ramai di Indonesia, Malaysia dan Singapura turut mengiktirafkan bakat Hamzah Dolmat selaku pemuzik violin yang layak beliau terkilan akan seniman seperti Hamzah Dolmat tidak di iktirafkan ke tempat yang selayaknya (Itar, A. A. 2008).

Melalui buku Nik Mustapha ada menyatakan bahawa Hamzah Dolmat serta kumpulannya terkenal dengan Muzik Melayu Asli.

Tahun 50-an Kumpulan Hamzah Dolmat dan rakan-rakan terkenal dengan membawa rentak muzik asli seperti rentak joget, masri, inang, asli dan zapin.

Nik Mustapha Salleh (2009).

Nama Hamzah Dolmat bersinar semenjak kecemerlangan muzik melayu sehingga dan kini dijadikan sebagai ikutan. Kecemerlangan beliau merangkumi dunia melayu iaitu di Malaysia, Singapura (Latifah, 1984/85, ms.1), Jerman, Thailand (ms.8) dan Indonesia (ms.10). Selain terkenal sebagai pemain violin, beliau juga dikenali sebagai D Hamzah hanya ketika sebagai penyanyi dan beliau juga merupakan seorang composer serta mengetuai kumpulan ensemble asli (Latifah, 1984/85).

Hamzah Dolmat memperlajari violin pada usia seawal 12 tahun. Selain daripada mempelajari muzik melalui mendengar dari piring hitam, beliau bergurukan ayahnya, Dolmat Haji Abdul Fatah yang juga merupakan pengaruh kuat bagi Hamzah Dolmat dalam pendedahan awal dalam Muzik Melayu Asli (Latifah, 1984/85, ms.3). Dolmat Haji Abdul Fatah merupakan seorang pemain violin dan komposer bagi lagu-lagu berentak joget di Singapura. Manakala ibunya, Fatimah bte. Ali merupakan bekas penyanyi makyong iaitu Seri Panggung Kumpulan Mak Yong dari Riau (ms.1). Bak pepatah melayu pernah berkata ‘*Mana nak tumpahnya lauk kalau bukan ke nasi.*’

Hamzah Dolmat telah berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1959 apabila perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman waktu itu menjemput beliau untuk menubuhkan satu kumpulan muzik melayu asli di Kuala Lumpur (Latifah, 1984/85 ms.6). Dato' Johari Salleh, Pengubah dan pencipta, 2014 mengesahkan bahawa sebelum beliau dijemput ke Kuala Lumpur dari Singapura, Hamzah Dolmat terlebih dahulu di jemput bagi mengiring dan menubuhkan kumpulan muzik asli di Kuala Lumpur. Pengalaman Hamzah Dolmat selaku pengesek violin semakin meluas setelah itu. Beliau membuat persembahan di Muzik Radio Malaysia (kini dikenali Radio Television Malaysia) pada tahun 1961 dibawah pimpinan Alphonso Soliano serta Hamzah Dolmat dan rakan-rakannya merupakan kumpulan pemuzik yang pertama membuat persembahan di kaca TV RTM pada tahun 1960an (ms.7). Beliau juga membuat rakaman bagi *sound tract* filem-filem melayu antaranya Mahsuri, Hang Tuah dan Raja Bersiung (ms.6). Beliau pernah bermain dengan beberapa kumpulan terkenal seperti Kumpulan Blues Gang yang mengambil langkah inisiatif dengan menjemput Hamzah Dolmat sebagai pemuzik undangan dalam lagu ‘*Khatulistiwa*’ dan ‘*Tudung Periuk*’ (ms.20). Beliau juga telah membuat persembahan di Thai, Jerman, England, Filipina, Indonesia, Mesir dan Kuwait bagi menggiringi Kumpulan Penari-Penari Badan Kebudayaan Melayu (ms.8). Pada tahun 1974, Hamzah berkhidmat di Sabah bagi memperkenalkan Muzik Melayu Asli di Sabah. Segala sumbangan Hamzah Dolmat atas jasa-jasanya dalam bidang hiburan dan muzik melayu asli terhasil dengan dianugerahkan Pingat Ahli Mangku Negara (1964) oleh Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agung serta Ijazah Kehormat Sarjana Sastera daripada Universiti Malaya (ms.16). Universiti Malaya telah mengiktirfkan beliau sebagai seniman genre kemelayuan traditional dengan merakam 250 buah lagu dengan kumpulan gamelan Universiti Malaya yang kini disimpan sebagai kajian dan rujukan bagi menjaga seni muzik warisan melayu. Beliau juga mendapat anugerah Pingat Jasa Kebaktian oleh Sultan Selangor pada tahun 1980 (Latifah,

1984/85, ms.17). Berikut di bawah adalah rumusan yang diambil daripada projek pelajar Universiti Malay, Latifah Bt. Omar dari Jabatan Pengajian Melayu (Kursus Ethnomuzikology Melayu) pada tahun 1984/85 bertajuk “*Profail seorang pemuzik melayu traditional Hamzah Dolmat*”.

Pendengar sering menganggap Hamzah Dolmat mempunyai violin yang ‘keramat’ kerana mempunyai sentuhan jiwa melayu yang amat terkesan, tetapi pandangan seperti ini merupakan pandangan tidak realistik dari sudut akademik. Namun, hasil dari kajian rintis, pengkaji percaya sentuhan permainan violin beliau pada lagu-lagu melayu asli adalah terletak pada pemilihan serta olahan gaya ornamantasi yang dimainkan. Oleh itu, gaya ornamentasi Hamzah Dolmat di dalam permainan violin menerusi irama Muzik Melayu Asli menjadi fokus bagi kajian ini.

1.2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kaedah pembelajaran Muzik Melayu Asli sehingga kini lebih kepada cara mendengar dan meniru atau meniru dari guru-guru tanpa memahami disebalik gaya ornamentasi tersebut seperti susunan pemilihan nota muzik, pengayaan ornamantasi dan kesesuaian mengikut lagu. Hasil kajian secara rintis melalui kaedah tembusan dengan beberapa pemain violin serta pengubah, majoriti berpendapat agak sukar untuk bermain lagu melayu asli menggunakan violin. Terdapat juga berpendapat boleh meniru tetapi memahaminya kemungkinan tidak. Ini boleh menghadkan teknik pemainan tersebut pada sesebuah lagu sahaja, bukan pada lagu yang lain. Oleh itu, Hamzah Dolmat dipilih atas sebab kredibiliti Hamzah Dolmat yang dinyatakan pada latar belakang. Permainan Hamzah Dolmat bukan sahaja mengenai violin atau dirinya, dari pengamatan pengkaji, ianya mengenai pemilihan susunan not muzik dalam ornamantasi yang menjadikannya sebagai satu identiti Hamzah Dolmat. Bermain dengan cara meniru sahaja tidak

mencukupi tanpa pengetahuan, ini kerana apabila bemain lagu lain mereka tidak dapat mengaplikasikan gaya permainan Hamzah Dolmat. Berdasarkan huraian di atas, terdapat tiga permasalahan kajian untuk dikaji, iaitu :

- (i) Hamzah Dolmat dijadikan sebagai ikon dalam permainan violin muzik asli. Ramai yang cuba meniru gaya beliau tanpa memahami teori dalam pemainan tersebut.
- (ii) Kekurangan bahan-bahan bertulis dan dokumentasi dalam permainan Hamzah Dolmat.
- (iii) Terdapat banyak pendapat yang bercanggah dalam permainan Hamzah Dolmat. Ini berlaku kerana di antara pemainan tersebut tidak ada satu format yang *standard* yang boleh membuktikan identiti permainan Hamzah Dolmat.

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

Secara umum, tujuan penelitian kajian ini adalah untuk mencari satu kesimpulan bagi objektif yang ditentukan; sebagai penyelesaian daripada permasalahan kajian diatas. Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- (i) Menyusun serta mengkategorikan ketelitian corak ornamentasi permainan violin oleh Hamzah Dolmat pada lagu-lagu Melayu Asli.
- (ii) Menganalisa corak susunan notasi muzik pada ornamentasi tersebut bagi membawa kepada gaya Hamzah Dolmat.
- (iii) Menerapkan satu format pada ornamentasi tersebut yang menjurus kepada identiti Hamzah Dolmat.

1.4. SOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif bagi pemasalahan kajian ini, beberapa persoalan perlu ditanya bagi mencapai kesimpulan kajian ini seperti berikut :

- (i) Apakah corak ornamentasi yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat dalam lagu-lagu Melayu Asli?
- (ii) Bagaimana notasi-notasi muzik yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat dapat mengutarakan identiti beliau?
- (iii) Adakah dengan format yang dihasilkan membolehkan ornamentasi tersebut diaplikasikan pada lagu-lagu lain?

1.5. KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan dan manfaat bagi kajian ini khususnya bagi pemain violin dan masyarakat luar dalam penulisan ilmiah adalah seperti berikut :

- (i) Mengkaji ornamentasi gaya asli dalam permainan violin oleh Hamzah Dolmat.
- (ii) Menganalisa dan mendokumentasi permainan violin oleh Hamzah Dolmat.
- (iii) Sebagai rujukan kepada para pengamal violin bermain seperti Hamzah Dolmat (dari segi corak ornamentasi) dan mengaplikasikan pada lagu yang lain.
- (iv) Mengangkat kembali hasil yang pernah dimainkan oleh Hamzah Dolmat sebagai seniman dan pemain violin Melayu yang tersohor.
- (v) Sebagai penghargaan estetik iaitu menghargai, menikmati dan membicarakan hasil karya dan persembahan.


1.6. LIMITASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai limitasi kerana kekurangan bahan informasi dan rujukan berkaitan.

Oleh itu, penulis membuat limitasi kepada beberapa pemerhatian utama yang meliputi aspek-aspek seperti berikut:

- Kajian ini menerangkan secara ringkas mengenai latar belakang Hamzah Dolmat kerana telah ada hasil projek mengenai ‘Profil seorang pemuzik melayu traditional Hamzah Dolmat’ pada tahun 1984/85 oleh Latifah Bt Omar.
- Pemilihan lagu dikhurasukan kepada lapan buah lagu Melayu Asli rakaman permainan oleh Hamzah Dolmat dimana penulis memilih yang terbaik antaranya.
- Rakaman yang terpilih ditranskripsi menggunakan sistem notasi barat, lengkap dengan simbol ornamentasi barat bagi memudahkan pemahaman kini.
- Penerangan mengenai teknik permainan violin dilakukan secara general atau asas sahaja memandangkan fokus kajian adalah mengenai corak ornamentasi dalam Muzik Melayu Asli.
- Perbandingan hanya dilimitasikan kepada asas melodi asal lagu yang dipilih sahaja bagi menonjolkan gaya permainan Hamzah Dolmat.
- Gaya Hamzah Dolmat diukur melalui perspektif teknik sahaja iaitu notasi yang akan ditranskripsi menggunakan notasi barat, bukan pada kualiti bunyi.

1.7. PELAN PENYELIDIKAN



1.8. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan secara kaedah tringulasi bagi tujuan menentukan keboleh percayaan dan kesahan instrumen yang dipilih. Kaedah yang digunakan adalah secara trigulasi iaitu kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis. Oleh itu rekabentuk bagi kajian ini merupakan dianalisa kemudian diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditetapkan dan tafsirkan secara penelitian kualitatif.

Kaedah ini bersesuaian dengan kajian ini kerana kajian adalah berdasarkan pemerhatian iaitu mendengar lagu-lagu asli, transkripsi lagu tersebut, temuduga beberapa orang pemain violin professional dan membuat analisa berdasarkan pemerhatian tersebut.

Kajian ini dikategorikan sebagai kualitatif kerana sebab berikut :

- Bentuk Data

Data yang dikumpul berbentuk perkataan atau ayat melalui temubual, nota muzik pada rakaman lagu yang akan ditranskripsi.

- Instrumen Kajian

Rakaman lagu-lagu Hamzah Dolmat merupakan instrumen utama bagi mengumpul makluman penyelidikan ini. Melalui rakaman akan melalui proses mendengar, transkripsi kepada skor, pemerhatian pada muzik skor, perbandingan dan analisis.

- Peserta kajian

Selain penyelidik, beberapa pengamal Muzik Melayu Asli dan tokoh merupakan peserta bagi membantu kajian ini. Antara perseta kajian ialah En Razali Ayob dari Istana Budaya, En Sulfan dari UPSI dan Dato Johari Salleh.

- Metodologi Kajian

Beberapa buah lagu yang dipilih dengan pembawakan yang berbeza dari segi skala, *mood*, motif melodi serta ritma.

Penyelidikan ini bertujuan memberi pendekatan kepada pembaca mengenai kandungan dan penelitian ornamantasi yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat yang akan dikaji melalui transkripsi rakaman permainan violin berdasarkan teori muzik barat. Tujuh buah rakaman permainan Hamzah Dolmat dipilih untuk dianalisa (Rujuk Bab 3). Lagu yang dipilih merupakan lagu yang paling popular di mana orang akan sentiasa membuat perbandingan antara permainan violin Hamzah Dolmat dengan pemain violin yang lain.

Proses kajian ini dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu pertama, mengumpul bahan-bahan bacaan, rakaman lagu-lagu melayu asli serta menyediakan soalan bagi temubual. Peringkat kedua ialah transkripsi rakaman lagu dan mengadakan temubual dengan beberapa pemain violin serta tokoh-tokoh yang dipilih. Peringkat ketiga ialah penelitian dan observasi terhadap corak ornamentasi tersebut berdasarkan teori muzik barat. Kontrobusi penulisan tesis akan diperolehi pada bab 4 dan 5 iaitu analisis dan kesimpulan pada corak ornamentasi dalam lagu-lagu asli yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat.

1.9. ORGANISASI PENYELIDIKAN

Pada bab satu adalah berkenaan latar belakang mengenai tajuk, tujuan, objektif dan matlamat mengenai kajian. Bab dua akan membincangkan mengenai asal usul dan perkembangan serta kajian literature. Kajian akan mengambil kira dengan kajian-kajian lepas. Kajian juga akan mengambil analisa-analisa yang lepas dari material dan teknik analisa yang boleh membantu membentuk ini. Penyelidikan bermula pada Bab tiga. Disini, kaedah penyelidikan atau methodologi diaplikasikan bagi memudahkan pengumpulan data dan proses pencarian bahan bagi membantu chapter seterusnya. Bab empat adalah proses pengkajian dan menganalisa pada bahan-bahan yang diketemukan serta proses perbandingan dan membentangkan analisis yang berkaitan dengan ornamentasi Muzik Melayu Asli serta cara permainannya pada instrument violin. Bab lima merupakan perbincangan daripada hasil analisa pada lagu-lagu yang dipilih dan kesimpulan yang akan dicapai daripada perbincangan tersebut serta cadangan bagi meningkatkan mutu subjek ini.

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1. PENGENALAN

Teras bagi penyelidikan ini adalah mengenai penelitian ornamentasi stail melayu asli dalam permainan violin Hamzah Dolmat. Bagi menyokong kajian, beberapa penulisan yang berkaitan diambil sebagai bahan literasi dan rujukan bagi membantu dalam proses analisis dan pemahaman bagaimana terbentuknya gaya ornamentasi tersebut dan pengaruhnya terhadap Hamzah Dolmat. Terdapat tiga sub-topik utama bagi kajian literatur ini iaitu element-element yang terdapat dalam Muzik Melayu Asli, corak ornamentasi yang terdapat dalam muzik, Hamzah Dolmat dalam konteks kemelayuan⁵. Satu sub-topik yang hanya dijadikan sebagai rujukan iaitu teknik artikulasi di dalam permainan violin, bagaimanapun topik ini tidak menekankan teknik permainan violin kerana objektif utama adalah melihat gaya ornamentasi dalam Muzik Melayu Asli oleh Hamzah Dolmat sahaja.

2.2. ELEMEN-ELEMEN MUZIK MELAYU ASLI

Secara kasar, terdapat empat jenis rentak utama dalam ensemble melayu ronggeng yang berbeza palunan pada rebana iaitu stail asli; stail inang, stail zapin dan stail joget. Contoh lagu-lagu popular bagi stail asli adalah seperti *Seri Mersing, Tudung Periuk, Laksamana Mati Dibunu*, *Mas Merah*; stail inang seperti lagu *Inang Cina, Inang Rancak Bertemu*; dan rentak joget seperti lagu *Tanjung Katong, Jingli Nona*. Bagi tujuan penyelidikan ini, kajian akan fokus pada lagu-lagu asli sahaja. Menurut kamus seni muzik (DBP, 2009, ms.12-13) menyatakan lagu melayu asli adalah muzik sinkretik melayu yang bertempo lambat. Muzik Melayu Asli adalah mendayu dalam skala diatonic dengan tempo perlahan dan meter adalah dalam 2/2 atau 4/4 yang dimainkan oleh rebana, manakala

⁵ Kemelayuan yang maksudkan ialah ciri-ciri atau unsur yang menunjukkan keperibadian melayu.

gong pula dimainkan sebagai penanda. Tekstur kepada Muzik Melayu Asli adalah *liner* manakala cara nyanyian dan alat muzik bermelodi dipersembahkan dengan ornamentasi (Matusky & Tan, 2010, ms.361-363). Perubahan era telah memperkembangkan persembahan instrumentasi Muzik Melayu Asli seiring dengan kemajuan teknologi terkini dimana, pelbagai alat muzik tradisional telah digantikan dengan instrumen elektronik malah, pembelajaran teori muzik barat juga membantu dalam proses transkripsi skor lagu-lagu asli secara terperinci serta penambahan harmoni dan gubahan pada lagu-lagu Asli juga telah dipertingkatkan.

Melalui perspektif muzik, perkataan 'asli' digunakan sebagai sejenis muzik traditional di Malaysia kerana kriteria gaya nyanyian dan struktur corak irama rebana yang tersendiri (Nasuruddin, 2003, ms.172). Muzik ini unik kerana gaya penyampaian lagu. Terdapat beberapa pekara penting dalam perlu diketahui dalam Muzik Melayu Asli terutamanya pada lagu asli iaitu *phrasing* melodi (rangkaian melodi), ornamentasi, alunan melodi dan rentak seperti yang dinyatakan pada keyataan dibawah.

Keperibadian lagu-lagu Melayu asli terletak bukan hanya dalam unsur-unsur pokok seperti melodi, rentak dan patah lagu, malah naluri dari sesuatu lagu Melayu itu adalah di dalam rangkaian nada-nada atau rangkaian bunyi suara yang menjadi teras dalam rangkaian melodi.

Mohd Zain Hj.Hamzah (1961, ms.11)

Petikan di atas bermaksud, keperibadian lagu-lagu melayu asli bukan sahaja pada melodi, rentak dan patah lagu (*phrasing*), tetapi terdapat juga pada rangkaian nada iaitu seperti ornamentasi pada melodi.

Menurut Matsky, P. dan Tan, S.B. (1997), terdapat beberapa elemen penting bagi Muzik

Melayu Asli iaitu Patah Lagu, Ritma bagi Rebana Pattern; Ornamentasi; Rangkaian (*Phrase*) melodi; Mood atau Gaya penyampaian. Copland A. (2009, ms.26) dengan bukunya ‘What to listen for in music’ menyatakan terdapat empat element penting dalam muzik iaitu (1) Melodi [skala/jeda]; (2) Ritma [rentak/tempo]; (3) *Tone Color* [alat muzik]; (4) Harmoni; dan dua tambahan iaitu (5) Tekstur; dan (6) Struktur Muzik. Oleh demikian, kajian literatur ini menumpukan pada elemen tersebut yang berhubung dengan Muzik Melayu Asli seperti yang dinyatakan pada petikan dibawah, kepentingan elemen-elemen pada muzik menentukan sesuatu muzik bagi sesuatu kaum atau bangsa tertentu.

Racial and nat. feeling expresses itself strongly in melody, particular scales, intervals, and rhythms being typical of the music of particular races or nations.

Kennedy, M. & Kennedy, J. (2007, ms.485).

2.2.1. Melodi


Melodi ialah barisan not yang tersusun dengan pelbagai pic (*pitch*) yang mempunyai bentuk yang teratur dan dikenali (Kennedy M. & Kennedy, J., 2007, ms.485). Melodi mempunyai hubung kait dengan sistem tonal. Tanpa mengetahui sistem tonal dalam muzik melayu asli seseorang pemuzik tidak dapat memainkan melodi pada kekunci yang sepatutnya dan sukar mengimprovisasi sesebuah lagu.

(i) Sistem Tonal

Muzik traditional di Malaysia menggunakan dua jenis skala iaitu Heptatonik (7 nada) dan Pentatonik (5 nada) bergantung kepada jenis material dan mode bagi alat muzik (Ghous, 2007, ms.4-5). Secara kasar, Muzik Melayu Asli menggunakan skel major dan minor

diatonic serta ton kromatik tambahan iaitu b3, b7 dan #4⁶ (Matusky & Tan, 2010, ms.361). Skala Heptatonik terdapat 7 nada dalam satu oktif. Skala Major dan minor dari Barat iaitu Skala Diatonik yang juga merupakan standard skala bagi Skala Heptatonik. Contoh di bawah (Rujuk Rajah 2.1) adalah skala-skala yang ada di gunakan dalam Muzik Melayu Asli.

(a) C Major :-



(b) A minor (*relatif minor* kepada C Major) :-



(c) C minor Melodik :-



(d) C minor Harmonik :-



⁶ Patricia Matusky menyatakan kemungkinan besar, skala-skala ini dibawa oleh orang Portugis kerana skala tersebut ada digunakan dalam muzik rakyat Portugis kini.

(e) Mod Hicaz daripada Timur Tengah yang digunakan dalam lagu Sri Mersing (diambil dari Matusky & Sooi Beng, 2010, ms.363) :-

A B^{flat} C[#] D E F[#] G A

(\downarrow menurunkan pic lebih kurang 90 sen (*cents*)⁷)

(f) Skala Muzik Melayu Asli pada lagu Mak Inang :-

C D E^b E F F[#] G A B^b B

(g) Skala Pentatonik (5 nada) :-

C D E G A C

Skala ini ada digunakan pada lagu Mas Merah (Matusky & Tan, 2010, ms.362) seperti rajah di bawah :-

6 5 6 5 6 1 2

Rajah 2.1 : Antara Skala Yang Digunakan Di Dalam Muzik Melayu Asli

Berdasarkan pemerhatian secara kasar bagi lagu-lagu yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat di dapatkan bahawa beliau kerap menggunakan nada kekunci *G Major/minor*, *D Major/minor*, *A Major/minor*, *C Major/minor* dan *Bb Major* (rakaman audio yang terdapat di dalam Perpustakaan Universiti Malaya). Ini kerana bagi instrumen violin, nada-nada tersebut merupakan nada yang selesa untuk dimainkan berbanding nada-nada lain kerana keadaan pada tali violin tersebut mudah dikonfigurasikan dengan

⁷ Mod Hicaz adalah daripada Makam dalam muzik Arab. Simbol (\downarrow) merupakan non-western tempered pitch oleh itu iaanya diukur dengan sen (*cents*).

penggunaan skala dengan ‘*open string*’. Ini kerana menurut Razali Ayob ada menyatakan bahawa, dalam permainan violin bagi Muzik Melayu Asli lebih banyak menggunakan ‘*Open String*’, ini kerana sesuai digunakan bagi beberapa teknik seperti ‘*double stop*’, ‘*sliding*’ dan beberapa ornamentasi yang lain.

(ii) Jeda

Selain daripada skala, terdapat juga jeda luasan kedua (augmented) seperti yang ada di dalam lagu Mak Inang, yang terdapat dalam muzik Timur Tengah, India dan gypsy dari Spanyol (Matusky & Tan, 2010, ms.361). Muzik Melayu Asli juga mengandungi ton kromatik tambahan serta frasa melodi atau kaden yang boleh didapati dalam muzik rakyat Cina dan Timur Tengah (ms.362).

Sebagai rumusan bagi memelodikan lagu melayu Asli, penyanyi dan pemuzik (sebagai pembawa melodi) perlu mengetahui asas melodi bagi sesebuah lagu tersebut bagi mengayakan not-not hiasan lagu tersebut. Pemuzik seperti pemain violin dan akordian harus memainkan melodi lagu seperti seorang penyanyi menyanyikan melodi lagu dan pendapat ini juga disokong oleh Razali Ayub, (2016).

2.2.2. Ritma

Kebanyakkan dalam sejarah menyatakan muzik bermula dengan pukulan dalam bentuk ritma (*beating of a rhythm*) dan ritma juga merupakan pemberi efek utama dalam muzik kepada pendengar (Copland, 2009, ms.27). Oleh demikian, ritma yang membentuk Muzik Melayu Asli terletak pada pola rebana. Terdapat dua percanggahan fakta mengenai kemasukan instrumen ‘rebana’ di dalam Muzik Melayu Asli kerana menurut kenyataan Ariff Ahmad (2001, ms.13) menyatakan bahawa “*Lagu-lagu yang berbentuk “Arab” atau “India” serta alat muzik seperti gambus (ud), Rebana, harmonium, table*


dan lain-lain adalah bahan-bahan yang dibawa oleh mereka” dan pendapat ini disokong oleh Ghouse (2007) iaitu kewujudan muzik seperti hadrah, nobat, dabus dan dikir rebana yang dibawa oleh orang Islam ke Negara Malaysia diiringi dengan alat muzik ‘Rebana’; namun, menurut Matusky dan Tan (2010, ms.360) “*Rebana atau drum berbingkai diimport ke Negara Portugal pada waktu penjajahan orang Moors dan masih digunakan di Negara Portugal sehingga kini*”. Apa yang penting kini ialah instrumen Rebana adalah tulang belakang bagi Muzik Melayu Asli kerana palunannya atau pola Rebana. Rebana (Rujuk Gambar Rajah 2.1) ialah sejenis alat membranophone bermuka satu yang diperbuat dari kulit kambing. Luas Rebana sebasar 14 ke 19 inchi manakala dalamnya adalah empat ke enam inch. Terdapat sebilah rotan pada rim yang diselitkan di antara badan rebana yang diperbuat daripada kayu nangka atau merbau dengan muka kulit rebana (Ghouse, 2007, ms.70, 90 & 117).



Gambar Rajah 2.1 : Rebana

Sumber dimuat turun daripada <https://su.wikipedia.org/wiki/Rebana>

Rentak Muzik Melayu Asli adalah lambat dalam meter kuadrupel yang menggunakan rentak lapan bit dimainkan oleh rebana. Palunan rentak ini biasanya akan diimprovisasi oleh pemain bergantung kepada kreativiti pemuzik itu namun ianya tidak lari dengan *mood* asas. Hanya bit pertama pada rentak pertama dan bit pertama, kedua dan ketiga pada bar kedua yang ditetapkan. Rajah 2.2 di bawah adalah contoh asas rentak Muzik Melayu Asli bagi alat muzik rebana (Matusky & Tan, 2010, ms.367-368).



Rajah 2.2 : Rentak asas bagi Muzik Melayu Asli pada alat muzik Rebana

Petunjuk :

d :merupakan silibal rebana ‘dung’ iaitu pukulan tangan kanan pada bahagian tengah muka kulit.

t :merupakan silibal rebana ‘tak’ iaitu pukulan ringan pada bahagian tepi muka kulit.

2.2.3. Harmoni

Homoni merupakan not muzik yang disatukan atau digabungkan pada masa yang sama bagi menghasilkan sesebuah kord (*chord*). Sebelum sistem pembelajaran teori muzik barat diperkenalkan, Muzik Melayu Asli lebih kepada pergerakkan melodi secara liner. Ini kerana melodi dan ritma wujud secara natural dalam manusia sebaliknya harmoni berkembang melalui konsept intelektual iaitu dari ilmu dan akal fikiran (Copland, 2009, ms.49). Demikian, perubahan zaman memperkembangkan Muzik Melayu Asli dengan penambahan harmoni fungsian iaitu tonal harmoni bergantung kepada sistem tonal. Contoh harmoni adalah seperti notasi di bawah (Rajah 2.3) iaitu dari skala C *major* diperkembangkan kepada kord.

Chord : C Major	D minor	E minor	F Major	G7	A minor	B diminish	
Not : C,E,G	D,F,A	E,G,B	F,A,C	G,B,D,(F)	A,C,E	B,D,F	

Rajah 2.3 : Skala dan Kord C Major

Wujudnya *Major* dan *minor* bergantung kepada not ke-3 yang terletak pada susunan tiga not tersebut; sebagai contoh kord C *major* dengan susunun not dari **C** ke **E** dengan jarak jedanya *major* 3rd, manakala bagi kord D *minor* pula susunan not dari **D** ke **F** dengan jarak jedanya *minor* 3rd. Berbeza pula bagi **G7** iaitu kord dominan dibezakan pada not ke-3 dan ke-7 iaitu dari not **G** ke **B** dengan jarak jedanya *Major* 3rd manakala dari not **G** ke **F** dengan jarak jedanya *minor* 7th. Hasil gabungan not-not ini terbentuknya kord *dominant*.

2.2.4. Warna Nada (*Tone Color*)

Warna nada (*tone color*) ialah karakter bunyi yang dihasilkan di pada alat muzik atau suara dengan memberikan nada (*tone*), warna nada dan kualiti nada yang berbeza.erti kata lain, warna nada bergantung kepada jenis alat muzik yang digunakan dan kualiti bunyi serta nada yang dihasilkan. Pada zaman kemegahan Muzik Melayu Asli, alat muzik asas yang digunakan ialah rebana, violin, akordian dan gong menghasilkan karakter warna nada Muzik Melayu Asli ketika itu, manakala karakter vokal pada mulanya adalah serak serta sengau dengan jarak vokal yang sempit dan tegang (Matusky & Tan, 2012, ms.366). Datangnya pengaruh barat memperkembangkan warna nada bagi instrumen dalam Muzik Melayu Asli sebagai contoh dengan penambahan gitar, bass, *sintesiser* dan drum barat dan kini dimainkan dengan okestra simponi orkes studio (ms.360), manakala pada tahun 1940 an dan 1950an stail nyanyian digantikan dengan jarak vokal yang terbuka dan luas (ms.366).

2.2.5. Tekstur

Tekstur ialah gabungan melodi, rentak dan harmoni dalam sesebuah muzik. Secara dasar, Muzik Melayu Asli menggunakan tekstur *linear* (Matusky & Tan, 2010, ms.363). Tekstur

linear adalah beberapa baris melodi serta rentak yang tersendiri bergerak secara sebaris, sebagai contoh yang diberikan Matusky & Tan (2010) pada lagu Bunga Tanjung :

- (a) melodi pertama adalah vokal;
- (b) melodi kedua ialah violin dan akordian yang bermain secara heterofoni⁸ dengan vocal; dan
- (c) ketiga adalah rebana yang memainkan rentak asli serta gong menandakan permulaan dan penghabisan rentak.

Kini, Muzik Melayu Asli lebih bercirikan kepada barat iaitu menggunakan tekstur homofonik⁹ dengan harmoni fungsian (*functional harmony*).

2.2.6. Struktur Muzik

Bentuk lagu melayu asli adalah strofik iaitu rangkap teks dan melodi yang berulang, biasanya **A – A – A – A** atau **A – B – A – B**. teks yang dinyanyikan adalah satu stanza pantun (pembayang dan maksud) atau seloka empat baris. Stanza yang dinyanyikan adalah mengandungi melodi asas yang sama walaupun penyanyi mengimprovisasikan. Biasanya pemulaan atau pengenalan lagu adalah pendek yang dimainkan oleh alat muzik.

2.2.7. Kesimpulan

Secara umumnya, Muzik Melayu Asli jelas menunjukkan ianya muzik sinkretik dari segi penggunaan alat muzik, skala dan meter triple serta gabungan skala-skala luar yang digabungkan dengan ciri-ciri unsur melayu seperti teks pantun, bahasa, stail vokal, patahan lagu, pusingan rentak dan tekstur liner tersendiri.

⁸ Heterofoni ialah tekstur yang bercirikan oleh perubahan serentak beberapa baris melodi tunggal.

⁹ Tekstur Homofonik ialah melodi yang diiring dengan harmoni atau chords. Terdapat juga harmoni yang bergerak seirama dengan melodi.

2.3. ORNAMENTASI

Tidak semua notasi mengandungi ketelitian ornamentasi dalam komposisinya sebaliknya ianya bergantung kepada kefahaman dan kemampuan pemuzik itu untuk menghiasi muzik tersebut bagi memperindahkan lagu (Pratysuh, 2010). Ornamentasi juga tidak boleh dimainkan sebarang sebaliknya pemuzik perlu memahami konsept lagu dengan membuat pemilihan not tertentu dan penukaran ritma supaya ianya tidak akan menukar identiti penyampaian muzik tersebut. Setiap Negara mempunyai kepelbagaian ornamentasi dari satu komposer dan pemuzik yang berbeza. Elliot (2006) menyatakan hubungan antara teks dengan muzik, pitch, instrument dan ornamentasi pada abad ke-17 berbeza mengikut kedudukan geografi. Berikut adalah kajian literatur bagi ornamentasi dari beberapa Negara yang berkemungkinan mempengaruhi Muzik Melayu Asli.

2.3.1. Ornamentasi Muzik Melayu Asli

Ornamentasi merupakan elemen penting dalam Muzik Melayu Asli dan dalam konteks muzikologi¹⁰ melayu. Melayu yang dimaksudkan bukan bermaksud dari Malaysia sahaja tetapi termasuk melayu di Indonesia. Seperti yang dinyatakan pada Bab 1, Malaysia tiada istilah yang boleh dispesifikasi bagi gaya penyampaian dalam lagu-lagu Melayu Asli (iaitu nada-nada hiasan/ornamentasi) sebaliknya ianya dipanggil sebagai ‘*lenggok*’, ‘*gerenek*’, ‘*bunga lagu*’, ‘*air lagu*’, ‘*cengkok*’, ‘*bunga*’, ‘*patah lagu*’ dan ‘*ornamentasi*’ (Sulfan, 2015, ms.29). Sebaliknya di Medan, Indonesia, terdapat tiga istilah yang telah ditetapkan dengan teorinya iaitu Cengkok, Gerenek dan Patah Lagu (Nur’Ainun, 2011 dan Siti, 2008). Manakala Suflan (2015) dengan tajuk tesisnya *Lenggok, Bunga dan Gerenek : Analisis Stilistik Lagu Melayu Asli Secara Instrumental* juga telah memberi penerangan mengenai beberapa istilah yang berkaitan dengan ornamentasi ini. Antara

¹⁰ Menurut Dewan Bahasa Edisi keempat, Muzikologi bermaksud kajian tentang muzik. Oleh itu, maksud muzikologi melayu bermakndud kajian tentang muzik melayu.


istilah-istilah tersebut yang mungkin membantu penyelidik dalam kajiannya adalah seperti berikut :

(i) Bunga

Menurut Suflan (2015, ms.31), istilah bunga di dalam Muzik Melayu Asli bermaksud gaya mendendangkan lagu dengan nada-nada hiasan atau memberi variasi kepada melodi asal tanpa mengubah melodi asal tersebut.

(ii) Gerenek

Gerenek bermaksud penambahan bunga-bunga irama dengan tunjuan memberi keindahan pada melodi, namun menurut Takari dan Fadlin (2014) yang diambil dari penyelidikan Suflan (2015) menyatakan bahawa istilah gerenek jarang digunakan di Semenanjung Malaysia. Manakala di Medan, Indonesia, ‘Gerenek; merupakan ornamentasi dimana pemilihan not dengan jedanya rapat kepada not utama. Pegerakkan note tersebut adalah secara melangkah (*conjunct*) (Siti Zulaikah, 2008, ms.135). Jarak intervalnya sama ada *minor 2nd* atau *major 2nd* bergantung kepada harmoni lagu tersebut. Gerenek boleh dikatakan seperti tremolo yang juga menggunakan teknik improvisasi (Sansri, 2011, ms.8). Manakala istilah Gerenek bagi Rizaldi (2010) merupakan nada hiasan (ornamentasi) yang digunakan pada vokal *vibrator* (istilah dari muzik Barat), dan Gerenek pada instrumen violin pula menyerupai triller iaitu jarak jedanya antara *Major 2nd* atau *Minor 2nd* yang dimainkan secara berulang. Durasi bagi not tersebut adalah samaada 1/32 atau 1/64. Terdapat dua jenis gerenek iaitu gerenek sekon dan grenek sekon bawah (Rizaldi, 2010). Rajah 2.4 merupakan contoh bagi gerenek yang dimainkan oleh pemain akordian dari Medan, Ahmad Setia :



Rajah 2.4 : Contoh Gerenek Pada Lagu Serampang Duabelas

Diambil dari : Siti Zulaikha Sitanggang, 2008

Gerenek di atas berulang-ulang dari bar ke-tiga hingga bar ke-lima dengan note :

A-G#-A-E-G#-A---F-D-F-E-F-E-G--- A-G#-A-E-G#-A---F-G-F-E-D---

C#-D-E-F-D-F---E-G-F-D-E

(iii) Lenggok

Suflan (2015) mengaitkan istilah Lenggok dengan Kamus Dewan edisi ke-4 (2010) yang bermaksud pergerakkan tubuh badan iaitu berliuk ke kiri ke kanan dengan lagu-lagu Melayu Asli iaitu gaya penyampaian yang dinyanyikan atau dimainkan beralun-alun, lembut.

(iv) Air Lagu

Istilah air lagu dimaksudkan sebagai gaya penyampaian lagu asli bersifatkan dengan peribadi air iaitu sentiasa mengalir dan sentiasa memenuhi segala ruang.

(v) Patah Lagu

Terdapat beberapa pencanggahan mengenai istilah patah lagu, sesetengah artikel dan buku mengasingkan patah lagu daripada ornamentasi namun terdapat juga beberapa artikel yang menyatakan patah lagu sebagai ornamentasi. Ini belaku kerana pemuzik dahulu memainkan lagu secara merasa (*feel*) tanpa memperdulikan maksud istilahnya.

Hasil temubual En Sulfan dengan Takari dan Fadlin, Medan, (2014, ms.33) menyatakan bahawa patah lagu dianggap sebagai teknik artikulasi *staccato* (rujuk seperti yang dinyatakan dalam muzik barat iaitu memberi tekanan pada nada-nada tertentu atau menentak-nyentak nada. Sesetengah pendapat di Indonesia, bagi muzik Asli Medan, menganggap patah lagu sebagai ornamentasi kerana patah lagu adalah nada yang dimainkan secara *staccato* dengan jarak jeda melangkah secara *conjunct* (Siti Zulaikah, 2008, ms.136). Siti Zulaikha (2008) menerangkan bahawa Patah Lagu memberikan penekanan iaitu seperti *accent* pada not-not yang diimprovisasi dengan disertakan sedikit *staccato* namun bagi lagu-lagu asli, jarang sekali mengaplikasikan bunyi *staccato*. Contoh yang diberi oleh Siti Zulaikha (2008, ms.137) seperti rajah 2.5 dan 2.6 di bawah merupakan melodi yang dimainkan oleh pemain akordian, Ahmad Setia :



Rajah 2.5 : Gaya Patah Lagu pada lagu serampang Duabelas
Diambil dari : Siti Zulaikha Sitanggang, 2008

Not **D** telah ditukarkan kepada not **G** pada bar pertama. Patah lagu bermula dari note **A-G-F** pada bar kedua dan ketiga.



Rajah 2.6 : Gaya Patah Lagu pada lagu Kuala Deli
Diambil dari : Siti Zulaikha Sitanggang, 2008

Patah lagunya berlaku pada bar 34, bit ke-2 yang dimainkan secara *Staccato* oleh Ahmad Setia pada instrumenya akordian. Dukacitanya, tiada penerangan yang lebih jelas mengenai patah lagu ini sebaliknya Siti Zulaizha (2008) hanya memberi beberapa contoh sahaja.

Sansri (2011) pula berpendapat bahawa ‘patah lagu’ merupakan satu bentuk ornamentasi dimana pemilihan not adalah secara improvisasi (Sansri , 2011, ms: 9 & 95) yang diberi tekanan seperti aksen (*accent*) iaitu sedikit dihentak (*staccato*) terhadap nada pada lagu-lagu melayu. Rajah 2.7 berikut merupakan contoh Patah Lagu yang diberikan oleh Sansri yang dinyanyikan Nur’Ainun, penyanyi melayu Sumatera Utara.



Rajah 2.7 : Bentuk Improvisasi Patah Lagu pada Lagu Mak Inang Pulau Kampai
Diambil dari : Sansari, 2011

Manakala Matsusky dan Tan (2010) menyatakan bahawa ‘Patah lagu’ adalah melodi yang diimprovisasi oleh pemain muzik dengan kaden dan bunga yang berbeza (Rujuk rajah 2.8).



Rajah 2.8 : Contoh patah lagu oleh Matsusky & Tan (2010)

Begitu juga pendapat Za’ba, et al. (2011) iaitu not yang diimprovisasi samada not yang laju diantara not utama atau not yang panjang. Menurut mereka dalam kertas kerjanya ‘*Investigating ornamentation in Malay traditional, Asli Music*’ menyatakan bahawa ‘patah lagu’ merupakan ornamentasi dalam Muzik Melayu Asli. “*Singing Malay asli music requires the singer to perform ornamentation or known as patah lagu at every central notes (or any suitable longer notes) and end of a cadence*”.

Sehingga kini, ‘Patah lagu’ masih dipertikaikan kerana terdapat sesetengah pendapat oleh beberapa pengamal Muzik Melayu Asli menyatakan patah lagu bermaksud rangkap (*phrasing*) bagi sesuatu melodi, namun di dalam patah lagu terkandung beberapa corak

ornamentasi (temubual Ahmad Razali Ayub, 2015 dan Suflan Faidzal Arshad, ASWARA, 2015). Jika di pandang dari sudut yang lain seperti yang ada pada muzik Karnatik yang menganggap ‘Kampan¹¹’ sebagai ornamentasi, patah lagu boleh dikategorikan sebagai ornamentasi kerana rangkap bagi nota dasar yang mengantungi kepelbagaiannya corak ornamentasi. Namun, pengkaji mempunyai pendapat yang sama dengan En Razli Ayub (2015) yang menyatakan bahawa patah lagu adalah rangkap (*phrasing*) bagi melodi utama. Namun, di dalam rangkap melodi tersebut mengandungi ornamentasi iaitu susunan nota bagi nota utama. Malah, di dalam kajian Sulfan (2015) iaitu Lenggok, Bunga dan Gerenek: Analisa stilistik lagu melayu asli secara instrumental mempertengahkan kenyataan bahawa ‘Patah Lagu’ ialah *phrasing* seperti yang dinyatakan dalam teori muzik barat iaitu rangkaian not-not yang membentuk satu pola irama tertentu dalam rangkap lagu dan dalam patah lagu terdapat penambahan bunga-bunga lagu serta tempat memberi nafas apabila memulakan frasa baru.

Demikian, kenyataan ini disokong pengkaji kerana menurut Kamus Dewan Bahasa edisi ke-4 istilah ‘Patah’ ialah ‘putus’ atau ‘penjodoh bilangan untuk kata (perkataan)’ yang bersesuaian dengan frasa lagu iaitu satu rangkap melodi yang di putuskan untuk disembungkan ke rangkap melodi seterusnya.

(vi) Cengkok

Istilah cengkok yang didokumentasikan hanya dijumpai pada kertas kerja dari Indonesia sahaja. Cenkok merupakan susunan/alunan note dengan jarak jedanya melompat (*disjunct*) kepada not utama (Zulaikha, 2008, ms.134). Cengkok juga menggunakan teknik improvisasi (Sansri, 2011, ms.8). Menurut Rizaldi (2010) cengkok ialah nada hias iaitu ornamentasi iaitu rangkaian melodi yang tersusun dalam bentuk Kuartol (iaitu 4

¹¹ Kampan adalah *vibrato* iaitu getaran pada sesuatu nota muzik di dalam muzik Karnatik yang juga dianggap sebagai ornamentasi.

not), Kuintol (5 not), sektol (6 not), septimol (7 not), octal (8 not) dan novemomol (9 not) pada nada yang berdurai panjang seperti dotted krocet, minim, double dotted minim dan dotted minim secara improvisasi. Namun, pemilihan not adalah secara melompat dengan jarak jedanya major 2nd atau *minor 2nd*, *major* atau *minor 3rd*, *perfect 4th* atau *perfect 5th* dan sebagainya. Rajah 2.9 merupakan melodi yang diambil daripada lagu Serampang Duabelas yang dimainkan oleh Ahmad Setia.



Rajah 2.9 : Contoh Cengkok pada Lagu Serampang Duabelas
Diambil dari : Siti Zulaikha Sitanggang, 2008

Cengkok terdapat pada bar ke-4 iaitu not **E** lompat secara *descending* (ke bawah) kepada not **G** dengan jarak intervalnya ‘*Augmented 5*’. Bar ke-6 juga terdapat cenkok secara *ascending* (ke atas) dari nada **E** ke **D** dengan jarak *interval ‘minor 7’* dan berikutnya bar ke-8 dengan jarak *interval oktif* dari not **E** ke **E**’ (Zulaikha, 2008, ms.134). Berikut (rujuk rajah 2.10) adalah contoh rangkaian melodi dalam bentuk kuintol (iaitu 5 not dalam satu beat) yang dipanggil sebagai cengkok dalam Muzik Melayu Asli.



Rajah 2.10 : Contoh Cengkok bagi Kuintol

Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan di atas, terdapat pertelingkahan istilah ataupun ketidaksamaan istilah jika dibandingkan antara Malaysia dengan Indonesia. Bagi mencapai objektif kajian ini, penyelidikan mengambil kira pendapat-pendapat tersebut bagi membantu menyokong istilah yang akan diperkenalkan oleh penyelidik. Terdapat tiga (3) jenis istilah yang dikategorikan oleh penyelidik hasil daripada perbincangan dengan Dr Nasir (Universiti Malaya, 2017) dan diambil dari kenyataan tersebut iaitu :

- i) Trill Berirama
- ii) Cengkok
- iii) Bunga

Istilah ini akan dijelaskan pada bab 3 ‘metadologi penyelidikan’ kerana ianya perlu melalui penelitian secara kritis melalui transkripsi notasi muzik dan perbandingan dengan istilah yang lain bagi menyokong kenyataan penyelidik.

Selain daripada gaya ornamentasi yang dinyatakan, terdapat beberapa ornamentasi yang mempunyai persamaan dengan ornamentasi barat seperti *Tremolo*, *Portamento*, *Trill* dan *Kambiata* (Matusky & Tan, 2013, ms.363) yang akan diterangkan pada ornamentasi muzik Barat di bawah.


2.3.2. Ornamentasi Muzik Barat

Ornamentasi pada muzik barat diperkenalkan pada abad ke-17 seperti *trills*, *appoggiatura*, *acciaccatura*, *glissando*, *mordent* dan *mordent* berpaling. Bagaimanapun ornamentasi telah mula dinotasikan pada abad ke-18 namun masih tidak teliti. Komposer ketika itu masih kurang memberi perhatian pada penambahan ornamentasi sebaliknya, pemuzik atau penyanyi akan menambahkan secara spontan dan improvisasi (Elliot, 2008). Ornamentasi yang wujud ketika itu boleh menjadi pendek, corak yang teliti seperti *trills*, *turns*, dan *mordents*, atau *measured* yang lebih panjang atau penambahan *measured* yang

tidak dapat diukur yang dikenali sebagai diminutions, divisions, atau passaggi. Kemudian, Ornamentasi lebih ditelitian oleh komposer sehingga pada pra-abad ke-19, pemuzik akan membuat penambahan ornamentasi secara spontan dalam komposisi lagu. Terdapat beberapa ketelitian gaya not bagi ornamentasi dalam muzik Barat iaitu *Acciaccatura*, *Appoggiatura*, *Mordent*, *Trill*, *Turn*; dan *Glissando*.

(i) Acciaccatura

Merupakan penambahan suatu not kecil yang ditandakan palang pada *steam*. Not utama (*prin*) dikekalkan tekanannya (*accent*) dan nilai masa (*time value*) manakala, not kecil tersebut secara teorinya tiada ketetapan masa; ia dimainkan dalam secepat mungkin pada sebelum atau ketika pada rentak not utama bergantung kepada soal rasa. Selain dari not kecil yang dipalang, *Acciaccatura* juga mempunyai dua atau lebih note kecil sebelum *prin* namun prinsipnya biasanya lebih kepada *crushed-in* yang tiada ketetapan masa (*not value*) serta tekanan atau tiada tekanan (*accent* atau *accentless*).



dimainkan seperti berikut

(ii) Appoggiatura

Appoggiatura ialah penambahan not kecil yang lebih banyak atau panjang daripada *acciaccatura*. Melodinya penting dan sering bergantung kepada not utama dengan mengambil nilai masa *appoggiatura* yang awalan kepadanya (biasanya separuh nilai masa not utama, walaupun dalam ritma meter tiga atau lebih, sebagai contoh, ia mungkin menerima dua pertiga daripada masa itu). Kebiasaanya not yang ditambah dengan satu jarak jeda lebih tinggi atau lebih rendah daripada not utama.



dimainkan menjadi

(iii) Mordent

Terdapat dua jenis *mordent* iaitu mordent atas dan mordent bawah yang juga boleh dianggap sebagai *pralltriller*. Simbol untuk *mordent* dalam skor muzik adalah seperti rajah di bawah. Ia dimainkan di atas atau di bawah not utama. Not tambahan adalah seperti memutar manakala ketepatan note value dan time value dimainkan mengikut tempo yang ditetapkan.



dimainkan seperti berikut



(iv) Trill

Trill adalah not yang dimainkan secara memutar iaitu memainkan note di atas note utama berulang-ulang kali bagi sesuate note value utama dan biasanya diakhiri dengan note utama. Simbol bagi trill ialah tr ~~~ atau tr ~~~~~ pada atas note utama, dengan ~ mewakili panjang memutar.



dimainkan seperti berikut



(v) Turn

Ornament jenis ini bersimbol seperti ‘S’ terbaring diatas note utama (*prim*). Note yang dimainkan boleh berbeza-beza, begitu juga dengan iramanya. Namun tiada perubahan pada nilai masa. Not yang ditambah bergantung kepada kehendak lagu.



dimainkan dengan cara



Terdapat juga satu garis di tengah-tengah *S* yang melintang yang pada kebiasaannya dimainkan terbalik iramanya.

(vi) Glissando

Glissando dimainkan secara luncur samaada ke atas atau kebawah daripada note utama, ia juga boleh dimainkan sebelum atau selepas prim. Glissando ditandakan dengan luncur ‘/’ atau ‘\’ atau melengkung keatas/kebawah atau secara ‘z’. Terdapat juga symbol ini digunakan bagi mengisi ruang antara note.



2.3.2. Ornamentasi India

Terdapat dua jenis muzik India yang mungkin memberi pengaruh kepada ornamentasi Muzik Melayu Asli iaitu Muzik Karnatik (abad ke-12) dan Muzik Hindustan (abad ke-16). Gaya ornamentasi muzik India bagi permainan alat muzik adalah meniru seperti

gaya nyanyian. Bagi muzik Carnatik, terdapat tiga jenis ornamentasi utama pada instrumen violin iaitu *Jaru/Ullasita [Slides]*, *Gamaka [Deflections]* dan *Janta [Fingered Stresses]* (Swift, G. N. 1990). Manakala bagi muzik Hindustan, terdapat empat jenis ornamentasi yang terdapat pada instrumen bertali ialah *Meend* (*Glissando/ Gelongsor antara dua not*), *Gamak* (pergerakan jauh dari pitch yang sebenar atau kembali kepada pitch yang sebenar - *movement away from true pitch or subsequent return to the true pitch/ a fast paced oscillation between two notes delivered with deliberate force and vigour*), *Krintan* atau *Kan Svar* (seperti *acciaccatura* atau *grace note*) dan *Andolan* (pegerakkan not dengan lembut yang bermula dari nota tetap dan menyentuh pinggiran nota yang berbeza - *gentle swing or oscillation that starts from a fixed note and touches the periphery of a different note*) (Pratyush, 2010).

(a) *Meend* – sama seperti *Glissando* dalam ornamentasi Muzik Barat iaitu pergerakkan secara gelongsor dari satu not ke not yang lain. Ia boleh dimainkan secara pelahan atau cepat. Nama lain bagi *Meend* khas untuk instrumen bertali ialah *Soot* (bermaksud ‘*thread*’), *Aansh* atau *Ghaseet* (bermaksud menarik ‘*pull*’) yang ditiru daripada gaya nyanyian.

2.4. HAMZAH DOLMAT DALAM KONTEKS KEMELAYUAN

Pentingnya mengetahui sumbangan sosiologi budaya melayu dalam Muzik Melayu Asli bagi melihat pengaruhnya dalam perkembangannya dalam hidup Hamzah Dolmat selaku pemain violin Muzik Melayu Asli. Terdapat beberapa perkara yang menyumbang kepada pembinaan identiti iaitu kekeluargaan dan perkahwinan, sistem sosial (struktur sosial, meliputi aspek hiraki sosial, status sosial samada tradisi atau modern), sistem kepimpinan dan politik, agama dan kepercayaan, sistem ekonomi (termasuk demografi, kegiatan

mencari makanan, pekerjaan dan penempatan samada dalam atau luar Bandar, Status/Kelas sosial – kekayaan dan kekuasaan) serta pakaian & makanan. Manakala bagi membentuk identiti budaya berdasarkan nilai dan norma sosial, adat atau dalam konteks visual dan bukan kebendaan.



Gambar Rajah 2.2 : Surat Khabar New Straits Times, 11 July 1998 -
Hamzah Dolmat selaku Raja Biola

Hamzah Dolmat (1923 - 12 Julai 1987), anak kelahiran Kalang Batin, Singapura merupakan satu nama besar dalam bidang Muzik Melayu Asli. Nama beliau telah menjadi satu simbol yang berkaitkan dengan pemainan violin Muzik Melayu Traditional. Beliau dijadikan sebagai idola dan impian bagi pemain violin solo melayu asli. Sungguhpun terdapat ramai pemuzik violin lain pada zaman kebangkitan Muzik Melayu Asli seperti, namun gaya Hamzah Dolmat boleh dianggap sebagai perwakilan utama dalam dunia Muzik Melayu Asli ketika itu sehingga kini. Persoalnya bagaimana beliau boleh mendapat identiti tersebut?

Konteks budaya melayu dalam kajian ini memberi maksud pengaruh ‘Budaya Melayu’ yang merangkumi seni muzik dalam diri Hamzah Dolmat. Selain bermain violin, Hamzah Dolmat juga merupakan seorang penyanyi, pencipta lagu melayu asli dan seorang ketua bagi kumpulan ensemble. Perkembangan Hamzah Dolmat bukan sahaja pada masyarakat melayu di Singapura malah diluaskan ke Kuala Lumpur sehingga beliau merupakan milik masyarakat melayu di Malaysia.

Beliau lahir di Singapura dengan pengaruh budaya melayu yang kuat serta pengaruh seni yang kuat daripada keluarganya yang merupakan seorang seniman juga. Beliau aktif dalam dunia seni muzik melayu sehingga akhirnya nafas beliau. Kelahiran sebagai orang melayu dan dikelilingi budaya melayu meneguhkan latarbelakangnya sebagai orang melayu yang menerap budaya melayu dan disalurkan dalam muzik beliau.

Pengkaji berpendapat bahawa Muzik Melayu Asli dikatakan mendayu adalah kerana pengaruh daripada sifat orang melayu yang dikatakan pemalu dan lemah lembut membentuk identiti budaya melayu. Isabella Bird I. (1880) menerangkan bahawa menurut Capt. Shaw menyatakan melayu itu lemut, halus, lurus dan peramah serta mementingkan harga diri. Manakala penyataan peribadi melayu juga disokong oleh Roff, W. R. (1967), dan Swettenham F. A. (1979), menyatakan bahawa tingkah laku orang melayu lembut dan mudah didampingi. Selain itu, Swettenham F.A. (1979) juga menyatakan orang melayu petah dan bijak bercakap, pandai berkias serta sering memetik peribahasa dan kata-kata hikmah, melawak dan sukakan pada jenaka yang baik. Sifat ini jelas terungkap pada lirik lagu-lagu asli. Demikian, pembentukkan Muzik Melayu Asli yang menjadi identiti kepada budaya melayu berdasarkan nilai dan norma sosial serta adat samada dalam konteks visual dan bukan kebendaan.

2.5. ARTIKULASI BAGI INSTRUMEN VIOLIN

“...the instrument's power as a vehicle of communication and influence between musical traditions.”

Swift, G. N. 1990, ms.2

Petikan di atas menerangkan bahawa sesuatu instrumen turut memberi sumbangan sebagai suatu medium komunikasi dan pengaruh di antara muzik tradisi. Pada zaman perkembangan Muzik Melayu Asli sekitar tahun 1930an hingga 1940an (Matusky dan Tan, 2012, ms.360), lagu-lagu melayu asli dipersembahkan dalam bentuk ensemble ronggeng asli dan pada persembahan bangsawan samada secara iringan penyanyi atau *instrumental* yang biasanya diketuai oleh penyanyi atau pemain violin (ms.360). Ahli-ahli dalam ensemble ronggeng asli terdiri daripada penyanyi, pemain violin, pemain akordian, rebana dan gong (Ghouse, 2007, ms.172). Kini, pada abad moden, terdapat penambahan instrumen bagi ensemble kecil Melayu Asli seperti alat muzik bass (menggantikan gong), gitar, sintesiser, flute, drum atau keyboard, namun ciri-ciri elemen pemainan Muzik Melayu Asli masih dikekalkan.

Violin merupakan salah satu instrumen utama dalam Muzik Melayu Asli selain daripada akordian. Violin dipercayai diperkenalkan pada masyarakat Melayu semasa kemasukan penjajahan Portugis di Melaka pada abad ke-15 hingga ke-16 (Ghouse, 2006, ms.4).

Violin merupakan sejenis alat *Chordophone*¹² dan bentuk ukiran violin yang digunakan sekarang dicipta pada tahun 1520 (Nik Mustapha, 2009, ms.27). Alat ini digesek dengan menggunakan bow¹³ pada tali violin bagi mengeluarkan bunyi dari hasil getaran antara geseran tersebut (Oxford, 2007, ms.792). Violin mempunya nada yang cemerlang

¹² Chordophone ialah terma yang digunakan dalam kategori alat muzik yang menghasilkan bunyi daripada tali. (Oxford, 2007, ms.147)

¹³ Bow ialah sejenis kayu panjang dengan tali yang biasanya diperbuat daripada ekor kuda. Ia digunakan untuk menghasilkan getaran bunyi apabila digesek pada tali Nylon pada keluarga *strings*. (Oxford, 2007, ms.95).

dengan kualiti ekspresif. Menurut beberapa pengamal violin menyatakan bahawa instrumen ini sesuai dimainkan dengan ornamentasi Muzik Melayu Asli kerana tiada fret¹⁴ dan pemain dapat memperluaskan nadanya.

'The violin's unfretted fingerboard and player's relaxed left-hand hold seem ideal for executing the various gliding and wavering gamakas (ornaments) which characterize Carnatic raga.'

Swift, G. N. 1990, ms.2

Pendapat ini boleh disokong dengan pendapat Swift (1990) yang menyatakan kelebihan tiada fret pada instrumen violin bersesuaian dengan beberapa gaya ornamentasi pada muzik Karnatik. Selain itu, ada yang menyatakan kelebihan violin boleh meniru gaya vokal. Seperti ‘vibrator’ iaitu getaran pada bunyi violin yang dimainkan dengan teknik tertentu bertujuan meniru gaya nyanyian. Keyataan ini disokong seperti petikan dibawah :

"Vibrato, which is intended to imitate singing, is as old as string instruments themselves, being specifically documented as early as the 16th Century by Agricola. Later, Mersenne (1636), North (1695), and Leopold Mozart (1756) describe it repeatedly as something generally known. However, it was always regarded as a pure embellishment to be used only for certain passages and by no means universally applied. Leopold Mozart writes: "There are some players who tremble at every note, as if they had a chronic fever. One should use the tremolo (vibrato) only in those places where Nature herself would produce it."

Harnoncourt N., 1995, ms.75.

¹⁴ Fret ialah penanda pada *fingerboard* bagi instrumen bertali bagi menghasilkan sesuatu *note*. Sebaliknya violin adalah instrumen bertali yang tidak mengandungi fret. (Oxford, 2001, ms.276)

Petikan ini merupakan salah satu pendapat yang menyokong bahawa instrumen bertali (contoh instrumen violin) meniru gaya nyanyian iaitu ‘*vibrator*’ dan ianya telah didokumentasikan seawal abad ke-16. *Wikipedia* merupakan sebuah website yang popular juga menyokong kenyataan ini iaitu ‘*vibrato* pada instrumen bertali dan instrument bertiup bertujuan meniru vokal. Oleh itu, tidak hairanlah apabila beberapa pendapat pengamal violin yang menyatakan instrumen violin mampu meniru gaya lenggok asli penyanyi.

Pengetahuan asas teknik permainan violin penting bagi pemain violin dan komposer atau pengubah terutamanya dari segi artikulasi (*articulation*). Artikulasi dalam muzik merujuk kepada suatu teknik dalam persembahan muzik yang memberi kesan yang berbeza samada pada suatu note tunggal atau di antara beberapa not atau sesuatu melodi atau *tone* bunyi dengan menggunakan symbol atau istilah muzik bagi mempamirkan cita rasa atau hasrat pencipta (Kamus Seni Muzik, 2009, ms.12). Kini, kebanyakan gaya dan cara permainan violin lebih kepada cara Eropah (Havas, 1990), memandangkan instrument itu sendiri berasal dari sana. Oleh itu teknik dan pembahagian *bowing* dengan betul dapat membantu menghasilkan artikulasi yang bersesuaian dengan ekspresi muzik itu sendiri.

Terdapat beberapa jenis artikulasi asas yang penting pada instrumen violin bagi memberikan *tone* bunyi serta teknik *bowing* yang berbeza iaitu *slur*; *staccato*, *accent*, *detache* dan *legato*. Setiap artikulasi mempunyai simbol tersendiri yang diletakkan samaada di atas atau bawah not bergantung kepada kedudukan kaki not tersebut (Rujuk Jadual 2.1).

Jadual 2.1 : Artikulasi, Penerangan Dan Simbol Pada Not

No.	Jenis Artikulasi	Penerangan	Simbol pada Not
i.	<i>Slur</i>	<p><i>Slur</i> merupakan simbol berbentuk garis melengkung pada atas atau bawah beberapa note (bergantung pada kaki not) dan apabila dimainkan, menghasilkan dua jenis bunyi iaitu :-</p> <p>(a) sambungan (<i>legato slur</i>); atau (b) secara pendek (<i>staccato slur</i>). Bagi instrumen violin dimainkan dalam satu pergerakkan bow sahaja samada <i>down bow</i> atau <i>up bow</i>.</p>	<p>a) <i>Legato Slur</i></p>  <p>b) <i>Staccato Slur</i></p> 
ii.	<i>Staccato</i>	Durasi not (<i>Note value</i>) yang dimainkan pendek dari pada biasa. Terdapat not di atas atau bawah note bergantung kepada kedudukan kepala not.	
iii.	<i>Accent</i>	Accent adalah memberi penekanan pada suatu not. Bunyi yang dihasilkan ada lebih kuat daripada yang biasa.	
iv.	<i>Detache / Tenuto</i>	Terdapat tiga jenis tenuto iaitu a) not yang dimainkan adalah full length atau lebih; b) not yang dimainkan sedikit kuat; dan c) bunyi yang dihasilkan mempunyai sedikit ruang.	

v.	<i>Legato</i>	<i>Legato</i> (Itali bermaksud "tied-together") adalah not yang dimainkan pada instrumen violin secara lancar (<i>smoothly</i>) dan berhubung antara satu note dengan note lain. Tiada spesifikasi simbol khas bagi legato tetapi biasanya pemain akan memahami cara pemainannya.	
----	---------------	---	---

Menurut Razali Ayob (2015) yang merupakan seorang pemain violin dari Istana Budaya dan juga dikenali ramai dengan pemainan muzik asli, menyatakan bahawa tiada undang-undang atau format tertentu permainan bowing instrumen violin pada Muzik Melayu Asli, namun pentingnya pengetahuan mengenai teknik terutamanya artikulasi bagi seorang pemain violin adalah bertujuan bagi memudahkan mengeksprasi dengan bebas kreativiti sendiri terutamanya dalam Muzik Melayu Asli.

2.6 RUMUSAN

Kajian literatur ini dapat membantu pengkaji menghindari daripada prejudis, bias atau penyelidikan yang tak berasas disamping membantu menyokong kajian yang akan dijalankan. Pengkaji menyentuh mengenai elemen-elemen yang terdapat di dalam Muzik Melayu Asli dan ornamentasi (Rujuk bab 3) bagi membantu pemahaman penyelidik dan pembaca secara asas mengenai apa yang perlu ada di dalam Muzik Melayu Asli termasuk ornamentasinya. Selain itu, setelah mengambil kira istilah-istilah yang terdapat pada hiasan nada dalam muzik Melayu Asli telah mencapai kata putus pengkaji bagi mengkatagorikan ornamentasi dan istilah tersebut dengan lebih terperinci dan jelas. Pengetahuan mengenai Hamzah Dolmat dalam konteks kemelayuan adalah bertujuan menjelaskan keperibadian atau identiti Hamzah Dolmat sebagai orang melayu mampu

mengeluarkan atau menghasilkan gaya penyampaian berserta ornamentasi pada lagu-lagu melayu Asli. Pengkaji hanya menyentuh sedikit mengenai artikulasi violin bagi membantu menjelaskan serba sedikit mengenai artikulasi yang ada di dalam permainan violin, bagaimanapun, di dalam penyelidikan ini tidak akan menumu pada teknik permainan violin kerana objektif yang hendak dicapai ialah ornamentasi di dalam Muzik Melayu Asli.

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1. PENGENALAN

Matlamat bagi penyelidikan ini adalah untuk mengesan corak ornamentasi gaya asli oleh Hamzah Dolmat dalam permainan violin beliau. Oleh itu, kajian ini dijalankan melalui penelitian kualitatif dengan menggunakan kaedah trigulasi untuk menentukan pencarian pengumpulan iaitu pemerhatian, temubual dan analisa data hasil penelitian. Menurut Bogdan dan Taylor (1975) yang diambil oleh Moleong (2007, ms.5) menyatakan bahawa kaedah kualitatif adalah prosedur penelitian yang menghasilkan data deskriptif secara bertulis daripada manusia dan perilaku yang diamati. Begitu juga yang diterangkan oleh David Williams (1995) yang ditulis oleh Moleong (2005, ms.5) mengemukakan bahawa penelitian kualitatif adalah pengumpulan data secara ilmiah dengan menggunakan kaedah ilmuah serta dilakukan oleh penyelidik. Ciri-ciri bagi penyelidikan kualitatif ini adalah ‘kajian jenis meneliti proses dan cara membuat sesuatu perkara’ iaitu teknik (Ghazali & Sufean, 2016, ms.387). Kaedah ini membantu menerokai pola-pola ornamentasi pemain violin Hamzah Dolmat pada lagu-lagu Asli yang terpilih.

3.2. REKA BENTUK KAJIAN

Penelitian kualitatif berbeza dengan format penelitian kuantitatif, dimana format kualitatif terletak pada rekabentuk yang pada umumnya tidak berpola. Bagi penyelidikan ini, pendekatan penyelidikan kualitatif telah digunakan dalam usaha mengumpul data dan analisis di mana ia tidak diukur dengan data numerika dan ketepatan ujian statistik sepetimana pendekatan kuantitatif. Namun, pendekatan kualitatif memerlukan pemerhatian yang kritis serta penelitian yang penuh dalam proses untuk mendalamai serta memahami sesuatu fenomena atau kes. Demikian, reka bentuk bagi kajian ini

adalah ‘kajian kes’ iaitu memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan yang dijadikan sebagai panduan bagi membantu penyelidik dalam proses menggunakan kaedah trigulasi yang berkaitan dengan memungut, memerhati, menganalisis dan membuat pentafsiran daripada hasil penyelidikan yang dijalankan. Menurut De Vaus (2005) yang diambil daripada buku Metodologi penyelidikan dalam pendidikan oleh Ghazali & Sufean (2016) kajian kes ialah ‘*satu penerokaan mendalam yang berupaya menjurus kepada pembinaan konsep*’. Kaedah ini bersesuai dengan penyelidikan ini dengan menjadikan Hamzah Dolmat sebagai kajian kes. Bagi mendapatkan hasil dapatan atau data, penyelidikan ini melalui tiga proses seperti dibawah :

3.2.1. Kaedah Pemerhatian Berserta

Menurut Marshall dan Rossman (1989) serta Jorgensen (1989), bagi mendapat maklumat terpilih serta berkaitan dan proses pemerhatian bersesuaian untuk memerhati, mendengar dan mengalami suasana/mood dalam lagu.

Kaedah pemerhatian ini digunakan bagi mengumpul maklumat atau data-data penting selain daripada temubual atau soal selidik. Pengkaji akan mengamati lagu-lagu melayu asli yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat yang terdapat di perpustakaan Universiti Malaya bagi tujuan pemilihan sebagai sampel untuk di analisis kemudian pada bab 4. Pengkaji akan memerhati melalui mendengar serta melihat perubahan-perubahan dan juga pemerhatian melalui transkripsi lagu-lagu melayu asli yang terpilih. Selain itu, pengkaji telah menyertai kelas muzik traditional di Akademi Seni Budaya dan Warisan dibawah didikan En Razli Ayub sebagai pemerhati bagi memahami lebih mendalam mengenai Muzik Melayu Asli. Pengkaji juga memerhati bagi pemilihan tokoh-tokoh yang bersesuaian untuk ditemubual. Kelebihan pengkaji yang telah lama bekerja sebagai

ahli muzik di industri Malaysia memberi peluang kepada pengkaji mengesan mana-mana tokoh yang bersesuai.

3.2.2. Kaedah Temu Bual

Borang soal selidik dan persoalan bagi temubual akan disediakan lebih awal bagi mendapat gambaran yang lebih jelas. Kaedah temubual ini dijalankan secara semi-struktur iaitu pengkaji menyediakan soalan-soalan untuk temubual terlebih dahulu disamping menambah soalan-soalan yang bersesuaian bergantung kepada keperluan penyelidikan dan bidang tokoh tersebut. Selain daripada kaedah ini, pengkaji juga ada menggunakan kaedah triangulasi bagi menyokong istilah yang dikemukakan oleh pengkaji iaitu Trill Berirama, Cenkok dan Bunga. Kaedah triangulasi ialah satu cara bagi pemungutan data yang melalui tiga cara iaitu melalui temubual sebagai data primer yang akan disokong dengan pemerhatian (sebagai data sekunder) dan melalui dokumen (sebagai data sekunder) (Ghazali & Sufean, 2016, ms.443-444).

3.2.3. Kaedah Analisis

Kaedah analisis iaitu data yang diperolehi akan di analisa bagi mendapatkan keputusan kajian ini. Penggunaan kaedah ini akan dijalankan pada bab 4 iaitu melalui transkripsi notasi lagu-lagu asli yang dipilih, pengkaji akan membuat analisis dengan menggunakan tiga istilah yang telah ditentukan.

Ketiga-tiga kaedah ini adalah bertujuan mendapatkan hasil dapatan atau data bagi membantu menjayakan penyelidikan ini. Proses bagi rekabentuk kajian ini akan diterangkan kemudian.

3.3. PROSEDUR PENYELIDIKAN

Proses bagi pendekatan kajian ini akan melalui tiga peringkat iaitu peringkat pertama ialah pra-kerja penyelidikan untuk menyempurnakan kajian literatur, bahan-bahan rujukan dan persediaan temu bual rakaman. Setelah selesai akan melalui peringkat kedua iaitu kerja penyelidikan yang dilakukan dengan mengtranskripsi bahan seperti audio kepada transkripsi muzik serta temu bual. Peringkat akhir iaitu Pasca kerja penyelidikan adalah peringkat di mana transkripsi rakaman temu bual dan analisis skor akan dilakukan dan kemudian dirumuskan.

Instrumentasi yang membantu proses membuat kajian ini ialah dengan menggunakan perakam bunyi, komputer riba serta telefon tangan. Pemilihan lokasi amat penting dan perlu dipilih bagi tidak membantasi apa yang inggi dikaji (Ghazali & Sufean, 2016, ms.393). Ini kerana pentingnya setiap dapatan data dan maklumat di lokasi sebenar bagi menghasilkan maklumat yang semula jadi (ms.393). Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih Perputakaan Universiti Malaya sebagai lokasi pengumpulan lagu-lagu melayu asli serta beberapa bahan mengenai Hamzah Dolmat. Manakala skop kawasan kajian ini dijalankan disekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja kerana Hamzah Dolmat telah berkhidmat dalam industri muzik pada waktu akhir keunggulannya di kawasan yang dinyatanya terutamanya di University Malay dan RTM, selain itu ramai kenalan beliau berada di kawasan tersebut.

3.4. PRA-KERJA PENYELIDIKAN

Sebagai persediaan bagi memulakan kajian ini, beberapa kaedah akan dijalankan antaranya mencari maklumat, kajian literatur dan rakaman lagu Hamzah Dolmat di perpustakaan bagi membantu untuk peringkat seterusnya iaitu transkripsi dan kemudian analisis data. Selain itu, pencarian internet ke atas bahan kajian dapat membantu

penyelidik. Temuduga akan menjadi sebahagian daripada kaedah ini, oleh itu penyediaan soalan temuduga akan dilakukan dengan mengenalpasti perintis atau pengamal di lapangan.

3.4.1 Kaedah Pemerhatian/Observasi

Pada peringkat ini, pengkaji akan melalui kaedah pemerhatian yang dimulakan dengan :

(i) Perpustakaan

Dalam usaha mendapatkan dan memilih maklumat, kaedah perpustakaan adalah cara terbaik untuk memilih buku-buku, jurnal, artikel dan lain-lain yang berkaitan dengan penyelidikan dengan menggunakan kata kunci penyelidikan. Kaedah ini biasa digunakan bagi menyokong pendapat serta bahan yang menyokong kajian terutamanya dalam kajian literature pada bab 2. Maklumat yang telah dikumpul akan ditulis dalam kajian literatur. Selain itu, rakaman lagu-lagu yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat akan membantu penyelidikan ini. Rakaman ini boleh didapati di perpustakaan Universiti Malaya.

(ii) Rakaman Lagu

Sebelum memulakan proses transkripsi dan analisis bahan kajian rakaman, kajian secara rintis iaitu pra-analisis rakaman dilakukan terlebih dahulu iaitu proses pemilihan lagu-lagu yang bersesuaian bagi mengkaji isu yang berkaitan. Beberapa lagu-lagu melayu asli yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat sebagai pembawa melodi dipilih untuk mengenal pasti ornamentasi yang dimainkan oleh beliau. Rakaman-rakaman yang dipilih melalui hasil kualiti bunyinya yang baik dan jelas serta mengikut popularity lagu tersebut. Selain itu, pengkaji mengambil kira tangga nada rakam tersebut serta form yang didengari secara rintis. Senarai lagu Melayu Asli yang dipilih adalah seperti jadual 3.1 dibawah :

Jadual 3.1 : Senarai Lagu Melayu Asli yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat

No	Senarai Lagu Melayu Asli	Sumber	Tangga Nada	Form	M/S
1	Laksaman Mati Dibunuh	DAT 3.mp3, Perpustakaan Universiti Malaya	G	A-A	Lampiran 1
2	Tudung Periuk	DAT 6.mp3, Perpustakaan Universiti Malaya	G (Pentatonik)	A-A-B-B	Lampiran 2
3	Seri Mersing	DAT 4.mp3, Perpustakaan Universiti Malaya	Gm	A-A-B-B	Lampiran 3
4	Bentan Telani	DAT 5.mp3, Perpustakaan Universiti Malaya	Dm	A-B-B	Lampiran 4
5	Seri Kedah	DAT 5.mp3, Perpustakaan Universiti Malaya	A	A-A-B-B	Lampiran 5
6	Ladun	DAT 3.mp3, Perpustakaan Universiti Malaya	A	A-A-B-B	Lampiran 6
7	Siti Payung	DAT 4.mp3, Perpustakaan Universiti Malaya	G	A-A-B-B	Lampiran 7
8	Burung Putih	tagi.blogspot.my	D	A-B-B-C	Lampiran 8

3.4.2. Kaedah Tembual

Peringkat awal bagi kaedah tembual, pengkaji menjalankan kajian secara rintis dan membuat persediaan soalan-soalan tembual bagi sebagai persediaan menjalankan penyelidikan ini.

- (i) Tembual bagi mendapatkan Pemasalahan (Kajian Rintis)

Setiap penyelidikan akan dimulakan dengan pemasalahan kajian. Sebelum pengkaji memulakan penyelidikan ini, pemasalahan ini telah lama timbul pada diri pengkaji dan

rakan-rakan pengkaji dalam pemainan violin bagi muzik melayu asli. Oleh itu, bagi menyokong pemasalah bagi penyelidikan ini, pengkaji telah menemubual beberapa pengamal violin dan penggubah.

- Juana, pemain violin, Okestra Kuala Lumpur (2017)

Menurut Juana (2017) bermain violin bagi lagu melayu asli amat sukar ditiru terutamanya gaya Hamzah Dolmat kerana perasaan '*feel*' dari segi jiwa sukar dilakukan, namun jika terdapat notasi kemungkinan boleh dimainkan.

- Sarah, pemain violin, graduan UITM (2017)

Sarah (2017) berpendapat sukar memainkan lagu melayu asli kerana tiada foundation bagi muzik tersebut. Jika ditiru juga agak sukar namun jika terdapat notasi berkemungkinan boleh.

- Faizal, pemain violin, Okestra Kuala Lumpur (2017)

Muzik Melayu Asli merupakan pemainan biasa bagi Faizal (2017) oleh itu baginya adalah mudah untuk meniru. Inikan pula jika terdapat notasi.

- Mohd Isa, konduktor Okestra Kuala Lumpur (2017)

Mohd Isa kenal dengan hasil kerja Hamzah Dolmat iaitu selaku pemain violin Muzik Traditional dan berpendapat bahawa hasil kerja Hamzah bole di tiru tetapi secara naturalnya susah untuk sama seperti Hamzah.

Kesimpulan yang pengaji capai adalah Muzik Melayu Asli boleh di tiru terutamanya dengan adanya notasi muzik bagi sesuatu lagu, namun ianya limitasi kepada menggunakan teknik tersebut kepada lagu yang lain.

(ii) Persediaan Temubual

Persediaan seperti soalan temubual dilakukan yang dilakukan secara separa rasmi dengan pemberi maklumat bagi mencapai objektif kajian. Pemberi maklumat yang akan dipilih mesti mengetahui serba sedikit mengenai Hamzah Dolmat samada dalam bidang kajian, ornamentasi dan instrumen violin stail asli. Antara soalan yang akan ditanyakan adalah seperti berikut :

1. Latarbelakang dan bidang pemberi maklumat.
2. Adakah pemberi maklumat mengenali Hamzah Dolmat dan sejauh mana mengenali beliau?
3. Latar belakang mengenai Hamzah Dolmat yang tidak diketahui seperti perangai, tingkah laku dan lain-lain yang berkaitan.
4. Apakah gaya ornamentasi yang sering dimainkan oleh Hamzah dan pemilihan nota.
5. Bagaimana teknik permainan violin Hamzah.
6. Adakah anda bersetuju dengan istilah dibawah. Sila beri penerangan mengenai pendapat anda :-

6.1. Trill Berirama

Trill Berirama ialah nada hiasan dimana pemilihan not dengan jedanya rapat dengan not utama iaitu secara melangkah (*conjunct*) dengan jarak intervalnya sama ada *minor 2nd* atau *major 2nd* (bergantung kepada harmoni lagu tersebut).

6.2. Cengkok

Cengkok merupakan susunan note atau alunan nada atau rangkaian melodi yang juga dikenali sebagai ornamentasi dengan jarak jedanya melompat (*disjunct*) kepada note utama seperti *major minor 2nd*, *major* atau *minor 3rd*, *perfect 4th* atau *5th* dan sebagainya dalam durasi dotted krochet, minim, double dotted minim dan dotted minim.

6.3. Bunga

Bunga merupakan perhiasan pada not-not tertentu bagi mencantikkan melodinya. Beberapa istilah barat seperti *Acciaccatura*; *Appoggiatura*; *Mordent*; *Glissando* dan *double stop* digunakan bagi istilah bunga ini.

6.4. Patah lagu

Patah lagu membawa maksud rangkap sesebuah melodi ‘*phrasing*’. Namun di dalam patah lagu tersebut mengandungi pelbagai jenis ornamentasi bagi memperindahkan melodi sesebuah lagu tersebut.

7. Pada pendapat anda, adakah gaya bentuk ornamentasi barat sama dengan gaya bentuk ornamentasi Muzik Melayu Asli?

3.5 KERJA PENYELIDIKAN

Kerja lapangan merupakan peringkat setelah pengumpulan data mendapatkan maklumat mengenai kajian di kawasan yang terpilih bagi mencapai objektif kajian.

3.5.1. Kaedah Pemerhatian

Pada peringkat ini, segala maklumat yang telah dikumpulkan dari pra-kerja penyelidikan akan dijadikan dalam bentuk dokumentasi seperti berikut :

- (i) Dokumentasi - Kajian Literatur

Kajian literatur ialah penerangan mengenai kajian yang dijalankan berdasarkan informasi dan pengetahuan yang tepat mengenai isu dan hubung kait kajian. Kajian literatur membolehkan mengenal pasti kajian-kajian terdahulu samada berkaitan atau lebih kurang

sama dengan kajian serta menyumbang dalam kajian pengkaji. Selain itu, kajian literatur dapat mengelakkan pengkaji membuat kajian yang sama. Bagi pemahaman yang lebih baik mengenai penyelidikan ini, makluman elemen-elemen Melayu Muzik Asli, variasi ornamentasi, dan pengaruh kemelayuan¹⁵ dalam Hamzah Dolmat boleh membantu menyokong dalam usaha pemahaman pengenai kajian ini dan mencapai objektif kajian ini.

(ii) Transkripsi Lagu Terpilih

Setelah proses pemilihan lagu tersebut akan di transkripsi. Penulis mengtranskripsi notasi muzik tersebut dengan menggunakan perisian *Sibelius*. Lagu yang di transkripsi berada pada lampiran (1) sehingga (8) sebagai rujukan.

(iii) Kerangka Teori bagi Kajian Rintis (pemilihan lagu)

Theory Weight Scale oleh Malm dipinjam untuk mengkaji secara keseluruhan bagi sesebuah lagu. Teori ini membantu dalam proses penganalisaan, demikian, lagu-lagu terpilih yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat akan ditranskripsi (menulis apa yang didengari dalam bentuk notasi muzik). Teori Malm (1977, ms8) iaitu *Theory Weight Scale* yang digunakan beberapa karakteristik yang perlu diperhatikan dalam menerangkan melodi iaitu :

- (i) *Scale* (tetanya nada),
- (ii) *pitch center* (nada dasar),
- (iii) *range* (jarak interval atau wilayah nada),
- (iv) *frequency of notes* (kekerapan jumlah note),
- (v) *prevalent intervals* (jarak interval yang digunakan),
- (vi) *cadence patterns* (pola-pola kadensa),

¹⁵ Kemelayuan ialah sifat atau ciri yang menunjukkan keperibadian atau sifat orang melayu. (Kamus Dewan Edisi ke-4, 2014 : 1014)

- (vii) *melodic formulas* (fomular melodi), dan
- (viii) *contour* (Kontur) iaitu pergerakkan sesuatu rangkap melodi dalam lagu.

Namun bagi kajian ini, pengkaji hanya menggunakan *Scale* (tetanga nada), *pitch center* (nada dasar) dan *range* (jarak interval atau wilayah nada) sahaja kerana peringkat analisis akan dijalankan pada pasca-kerja penyelidikan iaitu bab 4. Selain teori ini akan terdapat beberapa teori yang akan digunakan bagi menyokong kajian ini yang tidak ditulis secara langsung tetapi diterap terus dalam kajian ini. Berikut adalah kajian secara rintis terhadap lagu-lagu yang dipilih :-

A. Laksamana Mati Dibunu

(i) Skala : Berdasarkan pemerhatian secara rintis, skala yang digunakan adalah skala diatonik tujuh nada iaitu G major (**G - A - B - C - D - E - F♯ - G**). Namun terdapat selitan not di antara skala iaitu *sharp 4th* (not **C♯**) dan *flat 7th* (not **F**) bagi menyokong harmoninya seperti Rajah 3.1 di bawah.



Rajah 3.1 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi Lagu Laksamana Mati Dibunu

- (ii) *pitch center* (nada dasar) : G
- (iii) *range* (jarak interval atau wilayah nada) :

Berdasarkan pemerhatian pada transkripsi muzik, not yang paling rendah digunakan oleh Hamzah Dolmat adalah double stop ‘**G**’ (dibawah *C* tengah) yang terdapat pada bar 5 dan bar 13. Manakala not tertinggi yang digunakan adalah not ‘**A**’ (oktif dari not *A* tengah) pada bar 2, 3, 7, 10, 11 dan 15. Maka jarak not dari **G** ke **A**’ adalah 2 oktif lebih (Rujuk Rajah 3.2).



Rajah 3.2 : Jarak Wilayah Nada Lagu Laksamana Mati Dibunuh

B. Lagu Tudung Periuk

(i) Skala : Asas skala bagi melodi lagu ini ialah G pentatonik (**G - A - B - D - E**) namun skala dengan selitan **C** dan **E♭** dan **F♯** yang digunakan oleh Hamzah Dolmat adalah berbeza dengan skala melodi asas. Hamzah Dolmat menggunakan skala diatonik nada iaitu G *major* (**G - A - B - C - D - E - F♯ - G**) dengan selitan not diantara skala iaitu *sharp 4* (not **C♯**) dan *flat 6th* (not **E♭**) bagi menyokong harmoni C *minor*.




Rajah 3.3 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi Lagu Tudung Periuk

(b) *pitch center* (nada dasar) : G major

(c) *range* (jarak interval atau wilayah nada)


Berdasarkan pemerhatian pada transkripsi muzik, not paling rendah digunakan ialah not ‘G’ (dibawah C tengah) yang terdapat pada bar 14 dan not tertinggi adalah not ‘A’ (oktif dari not A tengah) pada bar 3. Maka jarak not dari **G** ke **A**’ adalah 2 oktif lebih (Rujuk Rajah 3.4).



Rajah 3.4 : Jarak Wilayah Nada Lagu Tudung Periuk

C. Lagu Seri Mersing

(i) Skala : Menurut Matusky & Sooi Beng (2010, p.363) lagu Seri Marsing menggunakan skala Mod Hicaz daripada Timur Tengah iaitu Skala *Hicez D* (Rujuk Rajah 3.5). Namun berbeza bagi Hamzah Dolmat, beliau menambahkan beberapa not menjadikan ianya seperti skala kromatik (*chromatic*) tanpa not **E** seperti yang terdapat pada Rajah 3.6.



Rajah 3.5 : Skala D Mod Hicaz




Rajah 3.6 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat pada Lagu Seri Mersing

(ii) *pitch center* (nada dasar) : D

(iii) *range* (jarak interval atau wilayah nada)

Not terendah sekali ialah not ‘G’ (dibawah C tengah) yang terdapat pada bar 1 iaitu double stop dan not tertinggi adalah not ‘B♭’ (oktif dari not B♭ tengah) pada bar 2. Maka jarak note dari **G** ke **B♭** adalah 2 oktif lebih (Rujuk Rajah 3.7).



Rajah 3.7 : Jarak Wilayah Nada Lagu Seri Mersing

D. Lagu Bentan Telani

(i) Skala : Lagu Bentan Telani menggunakan skala D *minor* (**D - E - F - G - A - B - C**) dengan gabungan skala lain seperti D *minor Harmonik* (**D - E - F - G - A - B^b - C[#]**), D *minor melodik* (**D - E - F - G - A - B - C[#]**) dan juga *mod D Mixolydian* (**D - E - F[#] - G - A - B - C**).




Rajah 3.8 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat pada Lagu Bentan Telani

(ii) *pitch center* (nada dasar) : D

(iii) *range* (jarak interval atau wilayah nada)

Sama seperti lagu Seri Mersing, not terbawah merupakan double stop iaitu not ‘G’ (dibawah C tengah) pada bar 26 dan not tertinggi adalah not ‘B^b’ (oktif dari not B^btengah) pada bar 8. Maka jarak not dari G ke B^b adalah 2 oktif lebih (Seperti Rajah 3.9).



Rajah 3.9 : Jarak Wilayah Nada Lagu Bentan Telani

E. Lagu Seri Kedah


(i) Skala : Berdasarkan pemerhatian skala bagi Lagu Seri Kedah adalah D *minor* (rujuk 3.4.2.4 skala di atas) dengan menjadikan Mod A *Dominan* (**A - B - C[#] - D - E - F[#] - G - A**) sebagai utama.



Rajah 3.10 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi Lagu Seri Kedah

- (ii) *pitch center* (nada dasar) : A
- (iii) *range* (jarak interval atau wilayah nada)

Not terendah adalah not ‘A’ (dibawah C tengah) yang terdapat pada bar 20 iaitu *double stop* dan not tertinggi terdapat pada bar 4 iaitu not ‘B♭’ (oktif dari not B♭ tengah). jarak Jarak Nada wilayah dari A ke B♭’ adalah 2 oktif lebih (Rujuk Rajah 3.11).



Rajah 3.11 : Jarak Wilayah Nada Lagu Seri Mersing

F. Lagu Ladun

- (i) Skala : Skala bagi lagu Ladun adalah diatonic D Major (**D - E - F♯ - G - A - B - C♯**) dengan penambahan **G♯** iaitu *sharp 4th* kepada skala seperti rajah 3.12 di bawah.




Rajah 3.12 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi Lagu Ladun

- (ii) *pitch center* (nada dasar) : D

- (iii) *range* (jarak interval atau wilayah nada)


Bagi lagu Ladun nada wilayahnya sama bagi not terendah adalah not *double stop* ‘A’ (dibawah C tengah) pada bar 5 dan not tertinggi ialah not ‘B♭’ (oktif dari not B♭ tengah) pada bar 2. Jarak Jarak Nada wilayah dari A ke B♭’ adalah 2 oktif lebih (Rujuk Rajah 3.13).



Rajah 3.13 : Jarak Wilayah Nada Lagu Ladun

G. Lagu Siti Payung

- (i) Skala : Skala yang digunakan oleh Hamzah Dolmat adalah G *major* (G - A - B - C - D - E - F♯ - G) dengan tambahan not B♭ (*flat* 3rd) dan F (*flat* 7th) kerana penukaran melodi.




Rajah 3.14 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi Lagu Siti Payung

- (ii) *pitch center* (nada dasar) : G

- (iii) *range* (jarak interval atau wilayah nada)

Not terendah terdapat pada bar 21 iaitu not G (dibawah C tengah) dan not tertinggi pada bar 19 iaitu not ‘B♭’ (oktif dari not B♭ tengah). Jarak Jarak Nada wilayah dari G ke B♭’ adalah 2 oktif lebih (Rujuk Rajah 3.15).



Rajah 3.15 : Jarak Wilayah Nada Lagu Siti Payung

H. Lagu Burung Putih

(i) Skala : Lagu Burung Putih merupakan skor yang di ambil daripada internet atas kebenaran pihak transkripsinya. Skala yang digunakan adalah D Major (**D - E - F[#] - G - A - B - C[#] - D**) dengan penambahan not F (flat 3rd) dan C natural (flat 7th) bagi skala D Major (Rujuk Rajah 3.16).




Rajah 3.16 : Not yang digunakan oleh Hamzah Dolmat bagi lagu Burung Putih

(ii) *pitch center* (nada dasar) : D

(iii) *range* (jarak interval atau wilayah nada)

Berdasarkan transkripsi muzik, not yang paling rendah adalah not A (dibawah C tengah) yang berada pada bar 17. Manakala not tertinggi adalah not A' (oktif dari not A tengah) pada bar 2. Oleh itu, jarak antara not adalah dari A ke A' adalah 2 oktif seperti yang ditunjukkan Rajah 3.17.



Rajah 3.17 : Jarak Wilayah Nada Lagu Burung Putih

3.5.2. Kaedah Temubual

Selepas mengenal pasti pemberi maklumat, temubual dikelakuan bagi membantu untuk mendapatkan maklumat untuk menyusun penyelidikan. Empat temubual dijalankan dalam bentuk semi-formal iaitu secara santai disertakan sedikit formal. Pemberi maklumat yang pilih dan sebab dipilih adalah seperti berikut:

(i) En Ahmad Razli Ayub dari Istana Budaya

En Razli Ayub dipilih kerana kebolehannya dalam permainan violin stail asli yang dikenali ramai serta beliau mengenali Hamzah Dolmat pada zaman beliau hidup di Kuala Lumpur. Selain itu, En Ayob antara pelajar yang masih sempat mempelajari violin stail asli dari Hamzah Dolmat. Pengkaji mengetahui makluman ini kerana En Razali Ayob merupakan cikgu violin stail asli kepada pengkaji.

(ii) Dato Johari Salleh

Ketika menjalankan latihan bersama Okestra Kuala Lumpur dibawah pimpinan Dato' Johari Salleh bagi konsert ‘Selasiku Sayang’ yang diadakan di Dewan Filharmonik Petronas pada 20 September 2015 jam 8.30pm, Dato' Johari Salleh ada menekankan bahawa dalam lagu ‘Selasiku sayang’ menggunakan gaya Hamzah Dolmat pada ornamentasi yang digubahnya maka cara pemainanya perlu menyerupainya. Setelah itu, pengkaji mengambil peluang berbincang bersama beliau secara santai mengenai Hamzah Dolmat. Pengkaji akan menemubual sekali lagi secara separa rasmi di UKM tempat Dato Johari bekerja.



Gambar Rajah 3.1 : Poster Persembahan Selasihku Sayang Yang Dipimpin Oleh Dato' Johari Salleh

(iii) Suflan Faidzal Arshad

Pengkaji mengenali En Suflan ketika belajar di ASWARA yang merupakan seorang tenaga pengajar. Beliau terlibat secara aktif sebagai pemain akordian dalam bidang Muzik Melayu Traditional dan juga sering membantu En Razli Ayub. Beliau telah menhabiskan Ijazah Saujana Seni Kreatif di ASWARA pada tahun 2015 dengan tajuk tesisnya ‘Lenggok, Bunda dan Gerenek : Analisis Stilistik Lagu Melayu Asli secara Instrumental’ yang banyak menyumbang dalam penyelidikan pengkaji. Oleh itu, dari masa ke semasa, pengkaji sering berhubung dengan beliau bagi meminta pendapat dan tunjuk ajar dalam bidang Muzik Melayu Asli ini.

(iv) Prof. Dr. Mohd Nasir Bin Hashim, Universiti Malaya.

Prof Dr Mohd Nasir merupakan Profesor Madya di Jabatan Muzik di Universiti Malaya. Beliau merupakan seorang pemuzik yang berpengalaman dan dalam komposisi, teknik mengarang musik dan teknologi muzik. Beliau juga aktif dalam Muzik Traditional Melayu dan banyak mengeluarkan artikal serta membuat penyelidikan dalam bidang muzik melayu traditional.

3.5.3. Kaedah Analisis

Hasil daripada kajian literatur dan temubual, pengaji mencapai kata rumus dengan memilih tiga bentuk ornamentasi bagi mencapai objektif penyelidikan ini. Ketiga-tiga ornamentasi itu ialah ‘Trill Berirama’, ‘Cengkok’ dan ‘Bunga’.

Setelah mengambil kira mengenai termalogi bagi istilah ornamentasi di Malaysia serta hasil perbincangan dengan Prof Dr Mohd Nasir (2017), pengaji menggunakan tiga istilah ini bagi memudahkan pembaca memahami ornamentasi yang hendak disampaikan dan mengkatagorikan ornamentasi tersebut termasuk teorinya. Tiga ornamentasi tersebut ialah :

(a) Trill Berirama

Trill berirama adalah seperti Gerenek di Indonesia iaitu pergerakan antara nada dengan jarak jedanya *major 2nd* atau *minor 2nd* yang biasanya belaku pada not asas yang panjang pada 2 bit atau 4 bit pertama.

(b) Cengkok

Cengkok merupakan pergerakkan nada secara melompat (*disjunct*) yang biasanya belaku pada 2 bit terakhir dengan jarak jedanya *major 2nd* atau *major 3rd* atau *minor 3rd* ke atas. Istilah ini diguna pakai di Indonesia dan di digunakan di Malaysia namun bagi kajian ini, pengaji mendapati istilah ini bersesuaian untuk diguna pakai.

(c) Bunga

Istilah ini diambil daripada Suflan (2015, p.31) yang bermaksud gaya mendendangkan lagu dengan nada-nada hiasan iaitu ornamentasi atau memberi variasi kepada melodi asal tanpa mengubah melodi asal tersebut. Bunga yang dimaksudkan ialah merupakan

perhiasan pada not tertentu bagi mencantikkan not tersebut tanpa mengubah melodi asal. Beberapa istilah barat seperti *Acciaccatura*; *Appoggiatura*; *Mordent*; *Glissando* dan *double stop* digunakan bagi istilah bunga ini.

3.6. PASCA KERJA PENYELIDIKAN

Pada peringkat terakhir ini kesemua maklumat, rakaman, wawancara dan transkripsi dari hasil kerja lapangan, datanya akan menjalani proses terakhir pada bab 4 iaitu analisis. Kesimpulan yang disediakan daripada hasil analisis akan berada pada Bab 5 iaitu; isu-isu yang telah dikenal pasti; serta beberapa teori digunakan sebagai rumusan.

3.6.1. Transkripsi Temubual, Rakaman Audio

Selepas mendengar rakaman temubual, adalah penting mengtranskripsi rakaman tersebut bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan bagi membantu dalam proses analisis serta membantu menyokong dalam bab 2 iaitu Kajian Literatur. Transkripsi bagi rakaman audio dijalankan dengan pemerhatian dan kemudian menulis apa yang dilihat.

3.6.2. Kaedah Analisis

Skor yang telah transkrip akan dianalisa dan pemilihan variasi ornamentasi dilakukan dengan cara pemerhatian pada nota utama, kord pada not utama tersebut dan perbandingan pada ornamentasi yang sedia ada.

3.7. RUMUSAN

Ketika menjalankan penyelidikan, antara elemen yang penting ialah Metodologi kerana ia merupakan satu kaedah bagaimana sesbuah penyelidikan itu dijalankan serta memastikan penyelidikan dapat dijalankan secara tersusun dan menghasilkan keputusan penyelidikan yang baik. Kaedah-kaedah ini dapat membantu bagi proses mendapat bahan maklumat dan data bagi mencapai matlamat penyelidikan ini iaitu untuk mengesan corak ornamentasi gaya asli oleh Hamzah Dolmat dalam permainan violin beliau. Oleh itu, secara rumusan, kajian ini dijalankan dengan menggunakan penelitian secara kualitatif bagi menentukan pencarian, pengumpulan, pemerhatian dan analisa data hasil penelitian dan hasil dapatan data telah melalui beberapa kerja lapangan seperti berikut :

- i. Pemerhatian
- ii. Rakaman temubual bersama tokoh terpilih
- iii. Memilih lapan (8) rakaman lagu yang dimainkan oleh hamzah dolmat pada instrumen violin yang berada di perpustakaan universiti malaya
- iv. Fokus kepada permainan melodi utama sahaja.
- v. Rakam tersebut ditranskripsi dengan menggunakan perisian *sibelius* 7 iaitu notasi muzik barat dan disertakan dengan symbol ornamentasi barat.
- vi. Membuat analisis dengan menggunakan system teori barat.

BAB 4 : ANALISIS KAJIAN DAN HASIL DAPATAN

4.1. PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa edisi ke-4 (2010), analisis membawa maksud penyelidikan atau penghuraian terhadap sesuatu permasalah, keadaan dan persoalan bagi tujuan mengetahui pelbagai aspek secara terperinci dan mendalam. Demikian, tumpuan pada bab ini adalah menganalisa ketelitian corak ornamentasi yang diaplikasikan dalam permainan violin Hamzah Dolmat pada lagu-lagu Melayu Asli yang dipilih. Melodi yang ditranskripsi juga dibandingkan dengan asas melodi bagi menampakkan rangkaian not pada ornamentasi yang dimainkan. Bagi mencapai objektif kajian, lapan buah lagu dianalisa secara teorikal iaitu tiga corak ornamentasi Melayu Asli iaitu, ‘Trill Berirama’; ‘Cengkok’; dan ‘Bunga’. Selain itu, peranan skala, jarak jeda (*interval*), ritma dan harmoni memainkan peranan penting bagi menyokong dalam analisa ini. Analisa akan dilakukan pada setiap bar yang mengandungi ornamentasi namun yang diberi contoh hanya beberapa sampel. Pada hujung analisa ini, rumusan secara keseluruhan bagi lagu-lagu terpilih akan dilakukan dengan cara mencari setiap persamaan atau kekerapan yang dimainkan bagi setiap lagu tersebut.

4.2. TRILL BERIRAMA

Seperti yang dinyatakan pada Bab 3, Trill berirama belaku pada nada yang panjang (samaada *dotted crocet*, *minim* atau *semibreve*) dengan jarak jedanya *major 2nd* atau *minor 2nd*. Trill Berirama juga boleh dikatakan hampir mirip persamaan dengan ornamentasi barat iaitu ‘*Turn*’ dan juga ‘*Trill*’ namun gaya penyampaianya berbeza dari segi artikulasi, dinamik dan ritmanya. Kajian menunjukan bahawa terdapat beberapa jenis trill berirama yang dikesan melalui pemerhatian.

4.2.1. Trill Berirama Gaya 1

Trill Berirama Gaya 1


Rajah 4.1 : Contoh Trill Berirama Gaya 1 Pada Lagu Tudung Periuk, Bar 5.

Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

Trill Berirama Gaya 1 kerap terjadi di dalam permainan violin oleh Hamzah Dolmat kerana terdapat banyak ulangan yang belaku bagi lagu-lagu Melayu Asli yang terpilih. Diperhatikan bahawa notnya akan bermula dan berakhir dengan not asas. Rajah 4.1 adalah contoh diambil dari lagu Tudung Periuk yang menunjukkan not permulaan dan akhir yang bermula dengan not asas iaitu not ‘D’. Selain itu, pergerakkan antara not-not tersebut adalah seperti dinyatakan di pada Jadual 4.1 dengan jarak jedanya yang hanya *Major 2nd* atau *Minor 2nd* serta ianya belaku pada durasi not asas yang panjang iaitu antara satu setengah atau dua bit pertama seperti yang terdapat pada Rajah 4.2.

Jadual 4.1 : Contoh Not Dan Jarak Jeda Bagi Lagu Tudung Periuk, Bar 5.


Not	D	E	D	C [#]	D
Jarak Jeda		Maj 2nd	Maj 2nd	Min 2nd	Min 2nd



Rajah 4.2 : Contoh Not Asas Pada Dua Bit Pertama Bagi Lagu Tudung Periuk, Bar 5.

Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

Dari segi notasi Trill Berirama Gaya 1 ini hampir sama seperti ornamentasi barat iaitu ‘Turn’ (Rujuk Bab 2) namun ianya di mainkan berbeza iaitu durasi masa bagi penghasilannya. Perbezaannya adalah terletak pada ritmnya yang tidak menentu seperti yang terdapat pada Rajah 4.3 iaitu durasi not asasnya adalah sama tetapi berbeza ritmnya. Artikulasi dan gaya penyampaian juga berbeza, artikulasi yang dimaksudkan ialah penekanan pada not iaitu dari segi dinamik, ianya tidak terletak pada bit pertama sebaliknya lebih bergaya lembut dan beralun (*legato*). Ini kerana beliau menggunakan teknik ‘delay’ iaitu gaya ‘dilanturkan’ seperti yang dinyatakan oleh Sulfan (2016) iaitu bacaan not tidak dimainkan mengikut bit utama seperti gaya barat, sebaliknya gayanya adalah bebas, namun masih berpandukan kepada rangkaian not utama. Gaya tersebut merupakan ciri-ciri yang terdapat dalam Melayu Asli.



Rajah 4.3 : Contoh Perbezaan Ritma Trill Berirama Gaya 1.

Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

Selain daripada contoh yang diberikan, contoh-contoh lain bagi Gaya Irama 1 ini juga terdapat pada lagu. Contoh-contoh tersebut boleh didapati pada Lampiran 1 - 8 yang ditulis Trill Berirama Gaya 1. Contoh Trill Berirama Gaya 1 secara rumusan pada lagu stail asli yang lain adalah seperti dibawah :

Jadual 4.2 : Senarai Contoh Trill Berirama Gaya 1

No	Senarai Lagu Melayu Asli	Nombor Bar	Tempo
1	Laksamana Mati Dibunuh	6 & 14	(Perlahan) Krocet : 50
2	Tudung Periuk	5	(Perlahan) Krocet : 50
3	Seri Mersing	9, 10, 12 & 13	(Perlahan) Krocet : 50
4	Bentan Telani	4, 7, 8, 9, 10, 14, 15, 20, 22, 24, 28, 29 & 30	(Perlahan) Krocet : 50

5	Ladun	3 & 12	(Cepat) Krocet : 180
6	Siti Payung	3, 4, 6, 10, 11, 16, 19, 20, 22 & 26	(Perlahan) Krocet : 57
7	Burung Putih	4, 5, 12, 13 & 18	(Perlahan) Krocet : 58

4.2.1.1. Trill Berirama Gaya 1 Berganda

Berdasarkan pemerhatian, trill berirama gaya 1 ini juga boleh didapati dengan cara berganda. Demikian pengkaji mengkategorikan sebagai trill berirama gaya 1 berganda seperti yang ditunjukkan pada rajah 4.4 dibawah.

A

Trill Berirama Gaya 1 Berganda

2

D E D C# D D E D C# D 6

Maj2nd Maj2nd Min2nd Min2nd Maj2nd Maj2nd Min2nd Min2nd

G

Not Asas

Rajah 4.4. : Contoh Trill Berirama Gaya 1 Berganda pada lagu Tudung Periuk, Bar 2.

Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

Contoh pada rajah 4.4 ini diambil dari lagu Tudung Periuk, pada bar 2 dan terdapat ulangan yang sama pada bar ke-12 dengan melodi asas yang sama. Konsep notasi dan jarak jeda sama dengan contoh 4.1, bezanya ianya berulang sebanyak dua kali dan ianya berlaku pada durasi not asas yang panjang seperti *minim* atau *semibreve*.

Lagu Tudung Periuk, Bar2

Bit pertama Bit Kedua

G

6

Not Asas (Dua bit pertama)

Lagu Bentan Telani, Bar 25

Dua bit pertama Dua bit terakhir

Not Asas (Empat bit)

Rajah 4.5 : Contoh Trill Berirama Gaya 1 berganda bagi dua dan empat bit pertama
Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

Rajah 4.5 merupakan contoh Trill Berirama Gaya 1 berganda bagi not utama berdurasi dua bit pertama dan empat bit. Lagu Tudung Periuk, Bar 2 merupakan contoh bagi dua bit pertama di mana notasi pada bit pertama berulang pada bit kedua, manakala bagi lagu Bentan Telani, Bar 25 merupakan contoh bagi not asas berdurasi empat bit dimana, Trill Berganda gaya 1 berganda pada dua bit pertama berulang pada dua bit terakhir. Perbezaan bagi Trill Berirama Gaya 1 berganda bergantung kepada jarak jeda samada *major 2nd* atau *minor 2nd* (bergantung kepada skala) dan jarak antara ritmnya, namun konsepnya adalah sama. Selain daripada contoh ini, trill berirama gaya 1 berganda ini juga terdapat pada lagu-lagu lain seperti yang ditunjukkan dibawah:

Jadual 4.3 : Senarai Contoh Trill Berirama Gaya 1 Berganda

No	Senarai Lagu Melayu Asli	Nombor Bar
1	Laksamana Mati Dibunuh	4 & 12
2	Tudung Periuk	2 & 4
3	Bentan Telani	13, 17, 21 & 25
4	Seri Kedah	12
5	Siti Payung	2 & 18
6	Burung Putih	2 & 10

4.2.2. Trill Berirama Gaya 2

Konsep Trill Berirama Gaya 2 hampir sama dengan Trill Berirama Gaya 1 iaitu not awalan dan berakhir dengan not asas dan berlaku pada 2 bit pertama. Namun perbezaanya adalah not ke-3 tidak dimainkan seperti yang terdapat pada contoh Rajah 4.6.

Rajah 4.6. : Contoh Trill Berirama Gaya 2 pada Lagu Seri Kedah, Bar 3

Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

Not yang sepatutnya dilalui adalah seperti di bawah :

Jadual 4.4. : Perbezaan Antara Trill Berirama Gaya 1 Dan Gaya 2

Trill Berirama Gaya 1 :

Not	C♯	D	C♯	B♭	C♯
Jarak Jeda		Min 2nd	Min 2nd	Min 3rd	Min 3rd

Trill Berirama Gaya 2 :

Not	C♯	D		B♭	C♯
Jarak Jeda		Min 2nd	Maj 3rd	Min 3rd	

Not ke-3 pada Trill Berirama Gaya 1 tidak dimainkan dan menjadi Trill Berirama Gaya 2. Jika diperhatikan syarat bagi jarak jeda Trill Berirama adalah *Minor 2nd* atau *Major 2nd*. Namun bagi lagu Seri Kedah, Hamzah Dolmat menggunakan not-not seperti yang dinyatakan dalam bab 3. Not-not tersebut adalah tergolong dalam skala seperti di bawah (Rajah 4.7):

Skala A Mixolydian

D E F G A B C# D D C Bb A G F E D

Skala D Minor Melodic

Skala D Minor Harmonik

Rajah 4.7 : Skala Bagi Lagu Seri Kedah Yang Dimainkan Oleh Hamzah Dolmat

Oleh demikian, hasil gabungan skala-skala di atas menghasilkan not-not yang terdapat pada lagu Seri Kedah. Sungguhpun beberapa tokoh yang mengenali Hamzah Dolmat mengatakan bahawa beliau tidak mempunyi ilmu yang mendalam pada teori (terutamanya teori muzik barat yang digunakan kini) namun, diperhatikan teknik harmoni ini banyak digunakan oleh Hamzah Dolmat dalam permainan violinnya. Pekara ini akan dibincangkan kemudian selepas pengenalan mengenai ornamentasi yang digunakan oleh beliau. Selain contoh di atas, beliau juga menggunakan Trill Berirama Gaya 2 ini pada lagu seperti di bawah :


Jadual 4.5 : Senarai Contoh Trill Berirama Gaya 2

No	Senarai Lagu Melayu Asli	Nombor Bar
1	Seri Kedah	3, 7, 14, 15, 18 & 22
2	Ladun	11, 15, 19, 27, 31, 39, 47, 55 & 63
3	Siti Payung	27

Berdasarkan pemerhatian, Hamzah Dolmat banyak menggunakan Trill Berirama Gaya 2 pada lagu Ladun, kemungkinan besar kegunaanya bersesuaian dengan tempo lagu yang lebih cepat, oleh itu pergerakan jari serta bunyi lebih sesuai dengan Trill Berirama jenis ini.

4.2.2.1. Trill Berirama Gaya 2 Berganda

Trill berirama ini adalah sama dengan Gaya 2 iaitu tiada perbezaan dari segi jarak jeda kecuali ianya berulang dua kali seperti rajah 4.8 serta ritma bagi not-not yang dimainkan tidak menentu bergantung kepada kehendak rasa Hamzah Dolmat. Sama seperti Trill Berirama Gaya 2, ianya belaku pada dua atau empat bit pertama.



Rajah 4.8 : Contoh Trill Berirama Gaya 2 pada Lagu Seri Kedah, Bar 2

Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

Selain daripada contoh di atas, terdapat juga pada contoh yang lain seperti yang terdapat dalam jadual di bawah (Rujuk Jadual 4.6). Berdasarkan pemerhatian, Trill Berirama Gaya 2 berganda ini berlaku pada lagu yang pelahan bagi memudahkan ianya berulang sebanyak dua kali.

Jadual 4.6 : Senarai Contoh Trill Berirama Gaya 2 Berganda

No	Senarai Lagu Melayu Asli	Nombor Bar
1	Laksaman Mati Dibunuh	2
2	Seri Kedah	6

4.2.3. Trill Berirama Gaya 3


Trill Berirama Gaya 3 adalah hampir sama dengan ornamentasi Barat iaitu Turn (Rujuk Bab 2) serta ianya bermula dengan not **Re** kepada not asas dan berakhir dengan not asas. Erti kata lain, not bagi Trill Berirama ini akan bermula dengan jarak jeda sama ada *Major 2nd* atau *Minor 2nd* daripada not asas dan berakhir dengan not asas seperti contoh pada rajah 4.9. Perbezaannya adalah terletak pada ritma dan gaya penyampaiannya yang bergantung kepada tempo dan jiwa rasa Hamzah Dolmat ketika memainkan.

The musical notation example shows two measures of music. Measure 17 starts with a treble clef and a key signature of one sharp (F#). The first measure contains a sixteenth-note trill starting on A (noted as 'Not Bermula') and ending on G (noted as 'Not Berakhir'). The notes are labeled A, G, F# G, G, Maj2nd, Min2nd, Min2nd. Measure 18 begins with a downward arrow indicating the start of a turn (Trill Berirama Gaya 3 : Turn), followed by a sixteenth-note trill on G (labeled 'G'). The trill is labeled 'Trill' and 'Bunga : Upper Mordent'. The notation uses vertical stems and horizontal dashes to represent the sixteenth-note patterns.

Rajah 4.9: Contoh Trill Berirama Gaya 3 pada lagu Tudung Periuk, Bar 17-18

Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

Berdasarkan beberapa contoh yang ada, kedudukan Trill Berirama Gaya 3 tidak menentu, ianya akan bermula samaada bit pertama atau pada bit ke-3 atau ke-4. Bar 18 merupakan simbol kepada turn. Contoh Rajah 4.10 menunjukkan cara memainkan symbol turn tersebut.



Rajah 4.10 : Cara memainkan Trill Berirama Gaya 3 : Turn pada lagu Tudung Periuk, Bar 18

Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

Contoh-contoh lain boleh didapati pada jadual dibawah dengan rujukan pada Lampiran.


Jadual 4.7 : Senarai Contoh Trill Berirama Gaya 3

No	Senarai Lagu Melayu Asli	Nombor Bar
1	Laksaman Mati Dibunuh	10
2	Tudung Periuk	17 & 18
3	Bentan Telani	11, 26
4	Siti Payung	8, 12 & 16

4.2.3.1. Trill Berirama Gaya 3 Berganda

Sama seperti Trill Berirama berganda sebelum ini iaitu bagi Trill Berirama Gaya 3 berganda adalah Trill Berirama Gaya 3 yang diulang sebanyak dua kali. Konsepnya juga sama. Jadual 4.8 adalah dua contoh daripada sampel lagu yang terpilih.

Jadual 4.8 : Contoh Trill Berirama Gaya 3 Berganda

No	Nama Lagu	No Bar	Durasi	Contoh Notasi										
	Seri Mersing	7	Dua bit pertama											
a)				<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>Not</td> <td>Eb</td> <td>D</td> <td>C\sharp</td> <td>D</td> </tr> <tr> <td>Jarak Jeda</td> <td></td> <td>Min 2nd</td> <td>Min 2nd</td> <td>Min 2nd</td> </tr> </table>	Not	Eb	D	C \sharp	D	Jarak Jeda		Min 2nd	Min 2nd	Min 2nd
Not	Eb	D	C \sharp	D										
Jarak Jeda		Min 2nd	Min 2nd	Min 2nd										

Perbincangan

- Terdiri daripada dua kumpulan kecil Trill Berirama Gaya 3
- Jarak antara jeda bagi setiap not di atas adalah Minor 2nd, seperti yang pernah dinyatakan oleh Praticia pada Bab 2 (No 2.1.1.1), skala bagi lagu Seri Mersing adalah G Mod Hicaz yang mengandungi $\sharp 4$ (Not C \sharp) dan major 7 (Not F \sharp). Memandangkan kekunci bagi lagu Seri Mersing ini adalah G Mod Hicaz, chord pada bar ini adalah Chord 'V7',
- Not bermula dengan Minor 2nd (**Eb**) daripada not asas dan berakhir dengan not asas (**D**).
- Belakunya pada dua bit pertama.

Bentan Telani	18	Dua bit pertama	<p style="text-align: center;">18</p> <p style="text-align: center;">Trill Berirama Gaya 3 Berganda</p> <p style="text-align: center;">A G F#G A G F#G</p> <p style="text-align: center;">(Not Asas)</p>															
b)	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>Not</td> <td>A</td> <td>G</td> <td>F♯</td> <td>G</td> </tr> <tr> <td>Jarak</td> <td></td> <td>Maj 2nd</td> <td>Min 2nd</td> <td>Min 2nd</td> </tr> <tr> <td>Jeda</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </table>			Not	A	G	F♯	G	Jarak		Maj 2nd	Min 2nd	Min 2nd	Jeda				
Not	A	G	F♯	G														
Jarak		Maj 2nd	Min 2nd	Min 2nd														
Jeda																		

Perbincangan

- Terdiri daripada dua kumpulan kecil Trill Berirama Gaya 3 pada satu setengah bit pertama.
- Not bermula dengan Major 2nd (**A**) daripada not asas dan berakhir dengan not asas (**G**).
- Belakunya pada dua bit pertama.

Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

4.2.4. Trill Berirama Gaya 4


Berbeza dengan Trill Berirama Gaya 3 :Turn, Trill Berirama Gaya 4 ini bermula dengan not ke-3 (**Mi**) daripada not asas dan berakhir dengan not asas. Ianya merangkumi lima (5) not, empat daripada not awalan akan turun seperti skala kemudian not terakhir dengan not asas. Trill Berirama Gaya 4 ini juga bermula dengan dua bit pertama. Contoh Pergerakan Trill Berirama tersebut hanya terdapat pada lagu Seri Mersing pada bar 5, 16 dan 19 (sama dengan bar 16) seperti Jadual 4.8 dibawah :-

Jadual 4.9 : Contoh-Contoh Trill Berirama Gaya 4 pada Lagu Seri Mersing, Bar 5 & Bar 16/19

No	Nama Lagu	No Bar	Durasi	Contoh Notasi
	Seri Mersing	5	Dua bit pertama	

Perbincangan

- Durasinya belaku dalam satu bit pada not asasnya dua bit pertama. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, lagu Seri Mersing menggunakan Mod *Hicaz*, memandangkan kord bagi bar ini adalah C Minor yang mengandungi B (Natural), demikian skala yang digunakan adalah C Minor Melodik Menaik (*Ascending*). Oleh itu, contoh bagi bar 5 bermula dengan Minor 3rd iaitu **Me** (not **Eb**) daripada not asas (Not **C**) kemudian menurun (*descending*) secara berskala sehingga ke **Ti** (not **B**) dan jatuh (*resolve*) ke not asas **Do** (not **C**). Skala C Minor adalah seperti di bawah :



	Seri Mersing	16	Dua bit pertama	
<p><u>Perbincangan</u></p> <p>Bar 16 adalah sama dengan bar 19 oleh itu, pengkaji hanya menunjukkan salah satu contoh daripada bar 16. Bagi Bar 16 ini, not bermula dengan Me (not Bb) kemudian menurun secara skala hingga ke Ti (not F#) dan jatuh ke not asas semula (not Do). Memandangkan kord bagi bar ini adalah G minor, maka skala yang mengandungi not-not di dalam melodi tersebut adalah skala G Minor Harmonik seperti yang ditunjukan di bawah :</p>				
b)				

Durasi bit adalah sama dengan bar ke-5.

Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny


4.2.5. Trill Berirama Gaya 5

Trill Berirama Gaya 5 ini merangkumi empat not dalam satu kumpulan yang belakunya pada dua bit pertama. Ianya akan bermula dengan not ke-4 (**Fa**) daripada not asas kemudian skala menurun (*Descending*) sehingga not asas. Jadual 4.10 merupakan dua contoh yang dimainkan oleh Hamzah Dolmat pada lagu Tudung Periuk.

Jadual 4.10 : Contoh Trill Berirama Gaya 5 pada Lagu Tudung Periuk

No	Nama Lagu	No Bar	Durasi	Contoh Notasi
	Tudung Periuk	9	Dua bit pertama	
<u>Perbincangan</u>				
a)	<p>Nada dasar bagi lagu Tudung Periuk ialah G major, dengan barisan melodinya adalah G Major Pentatonik. Menariknya, Hamzah Dolmat memperluaskan skala permainannya dengan gabungan skala lain seperti tambahan $\sharp 4$ dan $b6$ (Rujuk Bab 3). Not asas pada bar 9 ini, adalah not So (not A) kepada kord dan skala D Dominant. Oleh itu, Trill Berirama Gaya 5 ini bermula dengan Do (not D) dan menurun (<i>descending</i>) secara berskala kepada C - B - A (Not Asas). Skala D Dominant adalah seperti di bawah :-</p>			
	<p style="text-align: center;">Skala D Dominant Menurun (Decending)</p> <p style="text-align: center;">(Not Asas)</p>			

Seri Mersing	13	Dua bit pertama	<p>13 Trill Berirama Gaya 5</p> <p>Not Bermula G Min2nd F# Maj2nd E Maj2nd Not Berakhir Cengkok Gaya 2</p> <p>D7 (Not Asas)</p>
<u>Perbincangan</u>			
b) Kord dan skala bagi bar ini adalah D Dominant Not, oleh itu, not permulaan dengan Fa (not G) daripada not asas, kemudian menurun secara skala F# - E hingga ke not asas Do (not D). Skala tersebut adalah seperti yang ditunjukkan di bawah, dengan durasi not asas sama dengan bar ke-9.			



Transkripsi oleh Nik Shareena Rosny

4.2.6. Trill Berirama Gaya 6

Trill Berirama Gaya 6 adalah salah satu teknik Hamzah Dolmat gunakan dalam permainan violinnya di mana permulaannya tidak dimulakan dengan not asas sebaliknya ianya bermula dengan not ke-5 (**So**) daripada satu kumpulan trill berirama kecil kemudian menurun kepada not asas iaitu (**Do**) dengan satu lagi kumpulan kecil yang lain. Erti kata lain, terdapat dua kumpulan Trill Berirama kecil di dalam satu Trill Berirama Gaya 6 dengan jarak jedanya setiap kumpulan kecil antara Major atau Minor 2nd yang akan melompat ke kumpulan Trill berirama kecil yang lain. Hamzah Dolmat menggunakan teknik ini hanya pada dua buah lagu sahaja dengan temponya perlahan dan belakunya pada dua bit pertama atau empat bit pertama sahaja. Jadual 4.11

merupakan koleksi kesemua sempel bagi Trill Berirama Gaya 6 yang ditemui pada kedua-dua lagu stail asli yang terpilih yang mengandungi contoh notasi, jarak jeda antara not dan perbincangan mengenai Trill Berirama tersebut.

Jadual 4.11 : Contoh-contoh Trill Berirama Gaya 6

No	Nama Lagu	No Bar	Durasi	Contoh Notasi																								
	Laksaman Mati Dibunuh	5	Dua bit pertama																									
a)				<table border="1"> <thead> <tr> <th>Not</th> <th>D (So)</th> <th>E</th> <th>D</th> <th>C</th> <th>D</th> <th>B (Mi)</th> <th>G (Do)</th> <th>A</th> <th>G</th> <th>F#</th> <th>G (Do)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jarak Jeda</td> <td></td> <td>Maj 2nd</td> <td>Maj 2nd</td> <td>Maj 2nd</td> <td>Maj 2nd</td> <td>Min 3rd</td> <td>Maj 3rd</td> <td>Maj 2nd</td> <td>Maj 2nd</td> <td>Min 2nd</td> <td>Min 2nd</td> </tr> </tbody> </table> <p><u>Perbincangan</u></p> <p>Berdasarkan pemerhatian, kedua-dua kumpulan kecil Trill Berirama ini menggunakan Trill Berirama Gaya 1 bagi membentuk satu Trill Berirama Arpeggio. Konsep jarak jeda antara setiap kumpulan kecil menepati Trill Berirama. Ianya bermula dengan not ke-5 (So) sekumpulan trill berirama gaya 1 dan kemudian turun pada not ke-3 (Mi) dan jatuh pada not asas (Do) dengan sekumpulan lagi trill berirama 1. Not ke-5, ke-3 dan not asas melengkapi not yang terdapat dalam G major aperggio.</p>	Not	D (So)	E	D	C	D	B (Mi)	G (Do)	A	G	F#	G (Do)	Jarak Jeda		Maj 2nd	Maj 2nd	Maj 2nd	Maj 2nd	Min 3rd	Maj 3rd	Maj 2nd	Maj 2nd	Min 2nd	Min 2nd
Not	D (So)	E	D	C	D	B (Mi)	G (Do)	A	G	F#	G (Do)																	
Jarak Jeda		Maj 2nd	Maj 2nd	Maj 2nd	Maj 2nd	Min 3rd	Maj 3rd	Maj 2nd	Maj 2nd	Min 2nd	Min 2nd																	

Laksaman Mati Dibunuh	13	Dua bit pertama	<p>Trill Berirama Gaya 6</p> <p>Mordent</p> <p>T.Berirama Gaya 1</p> <p>Bunga : Double Stop</p> <p>Not Bermula (So) (Mi) (Do)</p> <p>Not Berakhir</p> <p>(Not Asas)</p>
--------------------------	----	--------------------	---

b)

Not	D (So)	E	D	B (Mi)	G (Do)	A	G	F#	G (Do)
Jarak Jeda		Maj 2nd	Maj 2nd	Maj 3rd	Maj 3rd	Maj 2nd	Maj 2nd	Min 2nd	Min 2nd

Perbincangan

Trill Berirama ini bermula dengan not ke-5 (**So**) dengan kumpulan kecil trill berirama yang merangkumi tiga not sahaja, iaitu sama seperti *Mordent* (Rujuk Bab 2) kemudian turun pada not ke-3 (**Mi**) dan jatuh kepada not asas (**Do**) satu lagi kumpulan Trill berirama Gaya 1. Sama seperti no 1 di atas, harmoni bagi lagu ini menggunakan skala G major dengan bermula dengan not ke-5 sebagai arpeggio G major menurun, manakala ianya juga bermula pada dua bit pertama.

Siti Payung	24	Empat bit pertama	<p>Trill Berirama Gaya 6</p> <p>Trill Berirama Gaya 1</p> <p>Trill Berirama Gaya 3</p> <p>Not Bermula (So) (Mi) (Do)</p> <p>Not Berakhir</p> <p>(Not Asas)</p>
-------------	----	-------------------------	--

c)

Not	D (So)	E	D	C	D	A	G	F#	G (Do)
Jarak Jeda		Min 2nd	Min 2nd	Maj 2nd	Maj 2nd	Perf 4h	Maj 2nd	Min 3rd	Min 2nd

Perbincangan

Berbeza dengan no 1 dan no 2 di atas, Hamzah Dolmat memulakan Trill Berirama Arpeggio ini dengan not ke-5 (**So**) sekumpulan Trill berirama gaya 1 kemudian terus kumpulan kecil yang lain iaitu Trill Berirama Gaya 3 (Rujuk 4.1.4) yang jatuh pada not asas (**Do**). Trill Berirama Arpeggio ini juga bermula pada dua bit pertama.

Siti Payung	29 & 32 (sama)	Dua bit pertama Empat Bit	<p>Trill Berirama Gaya 6</p> <p>Trill Berirama Gaya 1</p> <p>Bunga : B Double Stop</p> <p>Not Bermula (So) Not Berakhir (Do)</p> <p>Not Asas</p>
-------------	-------------------------	----------------------------------	--

d)

Not	D (So)	E	D	C (Fa)	G (Do)	A	G	F#	G (Do)
Jarak Jeda		Maj 2nd	Maj 2nd	Maj 2nd	Perf 4th	Maj 2nd	Maj 2nd	Min 3rd	Min 2nd

Perbincangan

Konsep Trill Berirama Arpeggio pada lagu Siti Payung ini adalah sama dengan lagu Laksama Mati Di Bunuh pada no 2 di atas. Bezanya adalah ianya tidak melalui not ke-3 (**Mi**) sebaliknya not ke-4 (**Fa**) iaitu sekumpulan kecil Trill Berirama dari not D ke C terus ke sekumpulan Trill Berirama Gaya 1 dengan not asas (**Do**). Selain itu, perbezaanya terdapat pada ritmanyanya.

4.2.7. Trill Berirama Gaya 7 atau Trill

Trill Berirama Gaya 7 adalah sama dengan istilah ornamentasi barat iaitu Trill (Rujuk Bab 3) iaitu pergerakan not antara major 2nd atau minor 2nd yang berulang dalam durasi bit tertentu. Terdapat tiga jenis Trill yang dikesan iaitu Trill digunakan sebagai mencantikan not tanpa mengubah melodi atau not asas utama, keduanya adalah trill yang bebas dimainkan, ianya berdirinya dengan sendiri dan boleh didapati dimana-mana bit dan yang ketiga adalah gabungan Trill dengan Trill Berirama yang lain. Contoh Trill Berirama Gaya 7 atau dengan perkataan yang ringkas Trill ini yang boleh di dapati pada Jadual 4.12.

Jadual 4.12 : Contoh Trill Berirama Gaya 7 @ Trill

No	Nama Lagu	No Bar	Durasi	Contoh Notasi
a)	Benten Telani	1	Quaver pada bit ke-3	<p>Asli $\text{♩} = 50$</p>

Not	F♯	G	F♯	G	F♯
Jarak Jeda	Min 2nd	Min 2nd	Min 2nd	Min 2nd	

Fungsi Trill

- Bagi mencantikan lagu tanpa mengubah not asas dan ritma kepada not asas.
- Bermula dengan not asas atau *Major / Minor 2nd* daripada not asas.

Perbincangan

